



TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD (1233870-A)

IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South, No.8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur

T: +603-2723 9696 F: +603-2723 9998 **Website:** www.takaful-ikhlas.com.my

(Licensed under Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)

I K H L A S®

SIJIL IKHLAS HOUSEOWNER/HOUSEHOLDER TAKAFUL

SALAM SEJAHTERA DAN TERIMA KASIH

Kerana memilih Kami sebagai penyedia Takaful Pemilik Rumah/ Isi Rumah Anda.

PENGENALAN

Peserta Takaful dan pihak Syarikat bersetuju bahawa:

1. Borang Cadangan ini akan termaktub dan menjadi asas kepada Sijil Takaful ini.
2. Peserta Takaful bersetuju untuk membayar Sumbangan Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.
3. Borang Cadangan yang dilengkapkan dengan penuh dan benar, akan menjadi pra-syarat kepada sebarang tanggungan Syarikat.
4. Peserta Takaful hendaklah membaca Sijil Takaful ini dengan teliti untuk memastikan Peserta Takaful memahami apa yang dilindungi, termasuknya dan syarat-syarat yang dikenakan, dan memastikan Peserta Takaful berpuas hati dengan Sijil Takaful ini.
5. Perlindungan Takaful ini adalah tertakluk kepada terma-terma yang terkandung di dalam Sijil Takaful ini merangkumi peruntukan-peruntukan had kawasan dan tempoh perlindungan Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.
6. Perkaitan di antara pihak Syarikat dengan Peserta Takaful di dalam Sijil Takaful ini, adalah tertakluk dan diterjemahkan mengikut Undang-undang Malaysia.

Kontrak Takaful untuk Pengguna (Pelan Takaful yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda)

Sijil Takaful ini dikeluarkan sebagai balasan bagi bayaran Sumbangan Takaful sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Sijil Takaful dan jawapan yang diberikan oleh Anda di dalam borang Cadangan (atau ketika Anda memohon Takaful ini) dan sebarang pendedahan yang dibuat oleh Anda semasa penyerahan Cadangan Anda (atau ketika Anda memohon Takaful ini) dan semasa kontrak ini dimeterai. Jawapan dan maklumat oleh Anda akan menjadi sebahagian daripada kontrak Takaful antara Kami dan Anda. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak dibuat berhubung dengan maklumat yang diberikan Anda, hanya remedii di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

Sijil Takaful ini mencerminkan terma-terma dan syarat-syarat Kontrak Takaful yang dipersetujui oleh Anda dan Kami.

Kontrak Takaful untuk Komersial (Pelan Takaful yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda)

Sijil Takaful ini dikeluarkan sebagai balasan kepada bayaran Sumbangan Takaful sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual dan berpandukan kepada jawapan yang diberikan oleh Anda dalam Borang Cadangan (atau ketika Anda memohon untuk Takaful ini) dan apa-apa kenyataan yang telah dibuat oleh Anda pada atau ketika penyerahan Borang Cadangan Anda (atau ketika Anda memohon untuk Takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan segala kenyataan yang telah dikemukakan oleh Anda akan menjadi sebahagian daripada kontrak Takaful ini di antara Anda dan Kami. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak dibuat berhubung dengan jawapan atau dalam apa-apa pendedahan yang dibuat oleh Anda, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful, keengganan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatkan kontrak Takaful.

Sijil Takaful ini mencerminkan terma-terma dan syarat-syarat kontrak Takaful seperti yang dipersetujui antara Anda dan Kami.

DEFINISI

Di bawah Sijil Takaful ini:

1. **“Bangunan”** bermakna Bangunan Rumah Kediaman Persendirian di mana Premis tersebut terletak dan termasuk:
 - (a) segala pejabat domestik, kandang kuda;
 - (b) garaj dan bangunan-bangunan luar yang digunakan semata-mata yang berkaitan dengannya dan di atas Premis yang sama;
 - (c) Lekapan dan Lengkapan;
 - (d) dinding, pintu pagar dan pagar di sekeliling Premis.
2. **“pihak Syarikat , Kami”** bermaksud Takaful Ikhlas General Berhad, penggantinya atau pemegang serah hak termasuk mana- mana anak-anak syarikat milik penuh dan berkaitan dengan MNRB Holdings Berhad atau mana-mana penyedia perkhidmatan yang dilantik.
3. **“Kerugian Turutan”** bermaksud kerugian kewangan.
4. **“Isi-rumah”** bermakna segala jenis barang rumah dan setiap Barang Peribadi yang dihuraikan, yang dipunyai oleh Peserta Takaful atau mana-mana ahli Keluarga Peserta Takaful yang biasanya menghuni bersama Peserta Takaful yang terkandung di Rumah Kediaman Persendirian, Kediaman Rumah Pangsa atau Pangsapuri dan semua pejabat domestik, kandang kuda, garaj dan Bangunan-bangunan luar domestik yang digunakan semata-mata berkaitan dengannya di atas Premis yang sama yang ditentukan di dalam Jadual.
5. **“Kejadian yang Dilindungi”** bermaksud salah satu Peril yang disenaraikan di dalam Sijil Takaful ini.
6. **“Susut Nilai”** bermaksud pengurangan dalam nilai barang atau harta akibat Haus dan Lusuh.
7. **“Endorsmen”** perubahan bertulis kepada terma-terma, syarat-syarat dan had-had Sijil Takaful yang ditunjukkan di dalam Jadual.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

8. **“Hakisan”** bermaksud yang dipakai atau dihanyutkan oleh air atau angin.
9. **“Ekses”** bermaksud jumlah yang perlu dibayar oleh Peserta Takaful terhadap tuntutan sebelum pihak Syarikat membayar. Jumlah ini akan dinyatakan di dalam Jadual atau pada apa-apa Manfaat Pilihan.
10. **“Keluarga”** dan **“Penghuni Rumah”** bermaksud mana-mana individu yang selalunya menghuni dengan Peserta Takaful.
11. **“Lekapan atau Lengkapan”** bermaksud barang yang kekal melekat pada Bangunan Peserta Takaful.
12. **“Banjir”** bermaksud limpahan atau lengcongan dari saluran biasa sama ada secara semula jadi atau buatan, pecahan atau melimpahnya saluran utama air awam dan sebarang aliran lain atau pengumpulan air yang berasal dari luar Bangunan.
13. **“Pampasan”** bermaksud meletakkan Peserta Takaful kembali ke kedudukan kewangan yang asal sebagaimana sebelum kerugian.
14. **“Nilai pasaran”** bermaksud nilai ke atas harta yang dilindungi pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan ditolak elaun kerana Haus dan Lusuh dan/atau Susut Nilai.
15. **“Kejadian”** bermaksud waktu sebenar insiden itu berlaku.
16. **“Terbuka”** bermaksud di mana-mana bahagian Premis yang tidak tertutup sepenuhnya oleh dinding dan bumbung, juga bangunan-bangunan luar di atas Premis Bangunan tersebut yang tidak dapat dikunci.
17. **“Peril”** bermaksud sumber musibah atau bencana yang menyebabkan kerosakan kepada harta yang dilindungi.
18. **“Tempoh Takaful”** bermaksud tempoh Takaful yang tertera di dalam Jadual.
19. **“Barangan Peribadi”** bermaksud barangan peribadi yang selalu dipakai atau dibawa oleh seseorang untuk kegunaannya sendiri, sebagai contoh, pakaian, jam tangan dan dompet.
20. **“Premis”** bermaksud tanah di alamat yang ditunjukkan di dalam Jadual di mana Bangunan itu dibina, termasuk kawasan atau taman yang digunakan untuk tujuan domestik.
21. **“Rumah Kediaman Persendirian”** bermaksud Bangunan rumah pangsa dan pangsapuri. Apabila blok rumah pangsa atau pangsapuri dilindungi, Rumah Kediaman Persendirian akan merujuk kepada Kediaman Rumah Pangsa atau Pangsapuri.
22. **“Cadangan”** bermaksud Borang Cadangan yang telah ditandatangani oleh Peserta Takaful dan segala maklumat yang diberikan kepada pihak Syarikat oleh Peserta Takaful atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Peserta Takaful.
23. **“Qard”** bermaksud kontrak pinjaman wang dimana peminjam bertanggungjawab untuk membayar balik jumlah yang sama kepada pemberi pinjaman.
24. **“Dana Risiko”** bermaksud kumpulan dana yang berdasarkan kepada konsep Tabarru’ yang memberikan perlindungan dan pampasan bersama di kalangan peserta-peserta Takaful.
25. **“Jadual”** bermaksud Jadual Sijil Takaful di mana kedua-dua butiran yang dilindungi dan Amaun Perlindungan dinyatakan.
26. **“Amaun Perlindungan”** bermaksud jumlah yang Peserta Takaful telah melindungi sama ada ke atas Bangunan Peserta Takaful, Isi-rumah Peserta Takaful (termasuk Isi-rumah ditentukan) seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual. Ini juga termasuk Manfaat Tambahan dan apa-apa Manfaat Pilihan oleh Peserta Takaful.
27. **“Tabarru’”** bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu semua Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru’ akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta.
28. **“Takaful”** bermaksud suatu skim berdasarkan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada Peserta Takaful jika diperlukan yang dengannya Peserta Takaful sama-sama bersetuju untuk memberi Sumbangan Takaful bagi maksud itu.
29. **“Perniagaan Takaful”** bermaksud urusniaga berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan dan operasi Dana Takaful bagi pihak Peserta Takaful yang melibatkan elemen-elemen seperti pelaburan, simpanan dan transaksi tuntutan dan Retakaful dan frasa yang merujuk kepada menjalankan Perniagaan Takaful termasuk semua atau apa juga aktiviti yang ditetapkan di dalam perenggan 5(4)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
30. **“Sijil Takaful”** bermaksud terdiri daripada semua Borang Cadangan dan Jadual yang dilampirkan bersama dengan Sijil Takaful ini hendaklah menjadi pelengkap antara satu sama lain.
31. **“Sumbangan Takaful”** bermaksud sebarang jumlah yang perlu dibayar oleh Peserta Takaful yang dikehendaki oleh pihak Syarikat untuk menyertai pelan Takaful.
32. **“Peserta Takaful”** bermaksud individu yang tertera namanya di dalam Jadual sebagai “Peserta”.
33. **“Wakalah”** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, Kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

34. “**Waranti**” bermaksud sekatan atau kewajipan yang dikenakan terhadap Peserta Takaful di dalam Sijil Takaful. Pemungkaran waranti akan melayakkkan pihak Syarikat untuk menolak tuntutan Peserta Takaful terhadap kerugian atau kerosakan atau liabiliti.
35. “**Haus dan Lusuh**” bermaksud kerosakan atau penurunan nilai melalui umur, penggunaan biasa atau penyelenggaraan yang kurang.

FASAL MELINDUNGI (DIGUNA PAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI-RUMAH)

Pihak Syarikat akan melindungi Bangunan-bangunan dan/atau Isi-rumah seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Peserta Takaful semasa Tempoh Takaful.

Perlindungan ini diberikan atas dasar:-

- (a) Peserta Takaful bersetuju membayar Sumbangan Takaful kepada pihak Syarikat untuk perlindungan ini, dan
- (b) maklumat lisan / bertulis yang diberikan oleh Peserta Takaful semasa menyertai pelan Takaful ini.

Sehubungan dengan apa-apa Kejadian yang Dilindungi yang berlaku dalam Tempoh Takaful ini dan tertakluk kepada had-had, pengecualian dan syarat yang terkandung dan disahkan di dalam Sijil Takaful, pihak Syarikat akan, melalui bayaran atau melalui pengembalian semula atau pemberian, mengganti rugi Peserta Takaful terhadap kerugian atau kerosakan kepada harta yang dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.

Sijil Takaful ini melindungi Peserta Takaful sehingga Amaun Perlindungan sebagaimana tercatat di dalam Jadual untuk kerugian atau kerosakan terhadap Bangunan dan/atau Isi-rumah Peserta Takaful yang disebabkan oleh Kejadian yang Dilindungi.

Jadual akan menunjukkan sama ada Peserta Takaful telah melindungi Bangunan Peserta Takaful, Isi-rumah Peserta Takaful atau kedua-duanya.

ISI-RUMAH

Jenis Perlindungan yang Dilindungi

Isi-rumah yang dilindungi adalah terhad kepada:

- (a) Tidak ada satu barang pun (tidak termasuk perabot, piano, organ, perkakas rumah tangga, radio, peralatan hi-fi, set wayarles, perakam video, dan televisyen) hendaklah dianggap memiliki nilai lebih besar daripada lima (5) peratus daripada keseluruhan Amaun Perlindungan ke atas Isi-rumah kecuali barang sedemikian secara khusus diisyiharkan sebagai butiran yang berasingan;
- (b) Jumlah nilai barang platinum, emas dan perak, barang kemas dan bulu binatang hendaklah dianggap tidak melebihi satu per tiga daripada keseluruhan Amaun Perlindungan ke atas Isi-rumah.

Jenis Perlindungan yang Tidak Dilindungi

Isi-rumah yang dilindungi tidak termasuk:

- (a) Mana-mana bahagian daripada struktur atau siling, kertas dinding atau yang seumpamanya;
- (b) Harta yang dilindungi di bawah Sijil Takaful yang lebih khusus;
- (c) Surat ikatan, bon, bil pertukaran, nota janji hutang, cek, sekuriti untuk wang, setem, sebarang bentuk dokumen, wang tunai, matawang kertas, nota bank, manuskrip, pingat dan duit syiling, kenderaan bermotor dan eksesorai atau ternakan, kecuali secara khusus dinyatakan di dalam Jadual.

KEJADIAN YANG DILINDUNGI (DIGUNA PAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI-RUMAH)

Jenis Perlindungan yang Dilindungi

Pihak Syarikat akan memberi perlindungan untuk kerugian atau kerosakan kepada Bangunan dan/atau Isi-rumah isi rumah Peserta Takaful yang disebabkan oleh mana-mana yang berikut:

- 1) Kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah
- 2) Letupan
- 3) Pesawat atau peranti udara yang lain dan/atau benda yang gugur daripadanya
- 4) Hentaman terhadap mana-mana bangunan:
 - (a) Untuk Rumah Kediaman Persendirian, oleh sebarang kenderaan jalan raya atau binatang bukan kepunyaan atau dibawah kawalan:
 - Peserta Takaful; atau
 - Ahli Keluarga Peserta Takaful.

Jenis Perlindungan yang Tidak Dilindungi

Pihak Syarikat tidak akan memberi perlindungan untuk kerugian atau kerosakan kepada Bangunan dan/atau Isi-rumah isi rumah yang disebabkan oleh mana-mana yang berikut:

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

- (b) Untuk blok rumah pangsa atau pangsapuri, oleh sebarang kenderaan jalan raya atau binatang bukan kepunyaan atau dibawah kawalan:
 - Peserta Takaful; atau
 - Ejen atau pembantu rumah Peserta Takaful atau
 - Mana-mana orang yang mendiami rumah pangsa, pangsapuri persendirian.
 - 5) Pecahnya atau melimpahnya tangki, peralatan atau paip air rumah
 - (a) Jumlah Ekses yang dinyatakan di dalam Jadual.
 - (b) Kemusnahan atau kerosakan yang berlaku ketika Rumah Kediaman Persendirian tidak dihuni.
 - 6) Kecurian, tetapi jika disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar daripada sesebuah bangunan atau sebarang percubaan dengan menggunakan kekerasan dan keganasan sebenar.
 - (a) Sekiranya Rumah Kediaman Persendirian tidak dihuni lebih daripada sembilan puluh (90) hari sama ada secara terus-menerus atau tidak dalam mana-mana satu Tempoh Takaful, perlindungan ini akan diberhentikan sementara melainkan dipersetujui oleh pihak Syarikat melalui Endorsmen.
 - (b) Kerugian atau kerosakan akibat dari kecurian oleh pembantu rumah domestik Peserta Takaful atau mana-mana ahli keluarga Peserta Takaful.
 - 7) Hurikan, siklon, taufan, ribut angin
 - (a) Jumlah Ekses yang dinyatakan di dalam Jadual.
 - (b) Kerugian atau kerosakan kepada:
 - i) mana-mana bangunan semasa dalam pembinaan, pembinaan semula atau pemberian kecuali semua pintu luar, tingkap dan bukaan lain adalah lengkap dan dilindungi;
 - ii) cerobong asap logam, bidai kajang, papan tanda Lekapan atau Lengkapan luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar.
 - 8) Gempa bumi, letusan gunung berapi
 - 9) Banjir
- Jumlah Ekses yang dinyatakan di dalam Jadual.
- (a) Jumlah Ekses yang dinyatakan di dalam Jadual.
 - (b) Kerugian atau kerosakan kepada Bangunan yang disebabkan oleh penenggelaman atau gelinciran tanah kecuali disebabkan oleh gempa bumi atau letusan gunung berapi.

MANFAAT TAMBAHAN

Ini merujuk kepada Manfaat Tambahan yang disediakan untuk Peserta Takaful tanpa sebarang Sumbangan Takaful tambahan, tetapi tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Takaful.

Diguna pakai sekiranya Sijil Takaful ini melindungi Isi-rumah sahaja:

A) Harta yang Dipindahkan Sementara

Jenis Perlindungan yang Dilindungi

Sijil Takaful ini melindungi Kejadian yang Dilindungi apabila Isi-rumah dipindahkan sementara daripada Rumah Kediaman Persendirian Peserta Takaful tetapi masih dalam Kawasan Geografi, dengan syarat harta tersebut tidak dilindungi di bawah Takaful/ Insurans lain.

Had tanggungan di bawah manfaat ini adalah lima belas (15) peratus daripada keseluruhan Amaun Perlindungan ke atas Isi-rumah.

B) Kerosakan kepada Cermin Kaca

Jenis Perlindungan yang Dilindungi

Sijil Takaful ini melindungi kerosakan kepada cermin akibat pecah ketika di dalam Kediaman Rumah Persendirian.

Had tanggungan pihak Syarikat adalah RM500.00 sekeping setiap kemalangan.

Jenis Perlindungan yang Tidak Dilindungi

- (a) Isi-rumah yang dipindahkan untuk jualan atau pameran;
- (b) Isi-rumah yang diletakkan di tempat simpanan perabot;
- (c) Kerugian akibat Kejadian yang Dilindungi 7 (hurikan, siklon, taufan, ribut angin), Kejadian yang Dilindungi 8 (gempa bumi, letusan gunung berapi) dan Kejadian yang Dilindungi 9 (banjir) ketika Isi-rumah dalam transit.

Jenis Perlindungan yang Tidak Dilindungi

- (a) Cermin mudah alih (*Hand mirror*)

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

C) Pampasan untuk Kematian

Jenis Perlindungan yang Dilindungi

Peserta Takaful dilindungi terhadap kecederaan maut (kematian) yang terjadi dalam Rumah Kediaman Persendirian akibat keganasan luaran dan nyata disebabkan oleh pencuri atau kebakaran, dengan syarat kematian berlaku dalam tempoh tiga (3) bulan kalender selepas kecederaan sedemikian.

Sekiranya terdapat lebih dari satu (1) nama yang dilindungi di dalam Sijil Takaful, pihak Syarikat akan bertanggungjawab hanya pada satu kadar bahagian setimpal pampasan. Untuk sebuah badan Korporat, Peserta Takaful mestilah menamakan seorang atau lebih dan nama-nama ini hendaklah dikemukakan kepada pihak Syarikat.

Had tanggungan yang dibenarkan untuk manfaat ini adalah jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual atau satu setengah daripada keseluruhan Amaun Perlindungan ke atas Isi-rumah, yang mana lebih rendah.

D) Harta Pembantu rumah

Jenis Perlindungan yang Dilindungi

Sijil Takaful ini melindungi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh Kejadian yang Dilindungi terhadap pakaian dan Barang Peribadi kepunyaan orang gaji domestik Peserta Takaful, yang tinggal bersama Peserta Takaful atau mana-mana ahli Keluarga Peserta Takaful dalam Kawasan Geografi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual, dengan syarat harta tersebut tidak dilindungi di bawah Takaful/Insurans lain.

Diguna pakai sekiranya Sijil Takaful ini melindungi Bangunan dan/atau Isi-rumah:

E) Takaful Sewa

Jenis Perlindungan yang Dilindungi

Selaku tuanpunya, Peserta Takaful diberi perlindungan untuk kerugian sewa sekiranya Rumah Kediaman Persendirian Peserta Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual tidak boleh dihuni akibat daripada Kejadian yang Dilindungi bagi tempoh yang diperlukan untuk pengembalian semula.

Selaku penghuni, pihak Syarikat akan membayar perbelanjaan tambahan yang munasabah yang perlu ditanggung olehnya semasa di sesebuah hotel, rumah tumpangan atau rumah penginapan akibat daripada sesuatu Kejadian yang Dilindungi, bagi tempoh yang diperlukan untuk pengembalian semula.

Had liabiliti keseluruhan tidak melebihi sepuluh (10) peratus daripada keseluruhan Amaun Perlindungan ke atas Bangunan dan/atau Isi-rumah.

Manfaat ini adalah tambahan kepada keseluruhan Amaun Perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual.

F) Liabiliti kepada Awam

Jenis Perlindungan yang Dilindungi

Pihak Syarikat akan membayar ganti rugi kepada Peserta Takaful atau pasangan Peserta Takaful terhadap liabiliti undang-undang dimana Peserta Takaful mungkin dipertanggungjawabkan berhubung dengan kemalangan atau siri kemalangan yang terjadi dari satu Kejadian, dalam Tempoh Takaful pada harta atau kecederaan anggota badan kepada mana-mana orang yang bukan merupakan ahli Keluarga, Penghuni rumah atau yang berkhidmat dengan Peserta Takaful:

(a) Liabiliti selaku tuanpunya Bangunan yang disebabkan oleh kecacatan di dalam Bangunan.

Jenis Perlindungan yang Tidak Dilindungi

Jenis Perlindungan yang Tidak Dilindungi

(a) Wang tunai, matawang kertas, nota bank dan setem.

Jenis Perlindungan yang Tidak Dilindungi

Jenis Perlindungan yang Tidak Dilindungi

- Sebarang tuntutan yang dikeluarkan atau dimulakan terhadap Peserta Takaful atau pasangan Peserta Takaful, di mana-mana mahkamah negara-negara di luar Malaysia.
- Semua kos perundangan dan perbelanjaan yang mana tidak ditanggung atau boleh diperolehi semula di Malaysia.
- Pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas kecederaan atau kerosakan yang timbul daripada atau sampingan kepada:

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

- (b) Liabiliti selaku penghuni yang disebabkan oleh kemalangan di dalam atau sekitar Rumah Kediaman Persendirian.

Had liabiliti pihak Syarikat tidak dalam apa jua hal melebihi jumlah yang ditetapkan di dalam Jadual.

Pihak Syarikat akan membayar gantirugi kepada Peserta Takaful atau pasangan Peserta Takaful:

- i) Sebarang kos perundangan dan perbelanjaan yang boleh diperolehi semula daripada Peserta Takaful atau pasangan oleh mana-mana pihak yang menuntut dengan syarat kos dan perbelanjaan tersebut ditanggung sebelum tarikh pihak Syarikat sepatutnya telah membayar atau menawarkan untuk membayar samada jumlah penuh tuntutan tersebut atau jumlah yang boleh diperolehi semula yang berkaitan dengan mana-mana satu Kejadian.
- ii) Kos perundangan dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta Takaful atau pasangan dengan persetujuan pihak Syarikat.

Jika Bangunan-bangunan adalah untuk blok rumah pangsa atau pangapuri, gantirugi pihak Syarikat kepada Peserta Takaful adalah terhad kepada liabiliti sah bagi tuntutan yang di buat terhadap Peserta Takaful selaku pemilik Bangunan, seperti yang dinyatakan di dalam Jadual, tetapi bukan sebagai penghuni yang mendiami mana-mana bahagian Bangunan berhubung dengan apa-apa kemalangan yang berlaku semasa Tempoh Takaful.

Pihak Syarikat akan membayar gantirugi kepada wakil sah peribadi Peserta Takaful sekiranya berlaku kematian kepada Peserta Takaful berhubung dengan liabiliti yang ditanggung oleh Peserta Takaful atau pasangan Peserta Takaful dengan syarat wakil sah peribadi Peserta Takaful mematuhi dan memenuhi dan tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat serta had-had di dalam Sijil Takaful.

- Pemunyaan, pemilikan atau penggunaan oleh atau bagi pihak Peserta Takaful atau pasangan Peserta Takaful berkait akan sebarang lif, kenderaan atau kapal walau apapun jenisnya;
- Menjalankan kerja pengubahan, penambahan, pembaikan atau penghiasan kepada bangunan Peserta Takaful;
- Kerosakan kepada harta oleh kebakaran penenggelaman atau letupan (selain dari letupan yang diakibatkan oleh dandang domestik yang dilekapkan kepada rumah pangsa dan pangapuri individu dalam Bangunan yang dilindungi) untuk Takaful untuk rumah pangsa atau pangapuri persendirian;
- Apa-apa perjanjian kontrak;
- Asbestos atau pendedahan atau potensi terdedah kepada asbestos, apa-apa kecederaan atau kerosakan sebenar atau yang dianggap berkaitan dengan asbestos melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, pengalihan, pembuangan atau penghindaran dari asbestos;
- Mana-mana bahagian Bangunan yang dilindungi yang digunakan berkaitan dengan pekerjaan atau perniagaan Peserta Takaful.

PENGECUALIAN AM (DIGUNA PAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI-RUMAH)

Sijil Takaful ini tidak akan melindungi di bawah keadaan-keadaan berikut:

1. Pihak Syarikat tidak akan melindungi kerugian atau kerosakan atau kontigensi lain yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - (a) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, perrusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak) atau perang saudara;
 - (b) Dahagi, rusuhan, kebangkitan tentera atau orang awam, insureksi, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa pihak tentera, pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang menentukan pengisyitiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan;
 - (c) Sebarang tindakan keganasan.

Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletak orang awam atau sebahagian orang awam berada di dalam ketakutan.

Sebarang kerugian atau kerosakan atau kontigensi lain yang berlaku semasa wujudnya keadaan yang luar biasa (sama ada fizikal atau sebaliknya) yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat mana-mana satu Kejadian tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung, mana-mana Kejadian tersebut hendaklah dianggap sebagai kerugian, kerosakan atau suatu kontigensi yang tidak dilindungi oleh Sijil Takaful ini, melainkan Peserta Takaful boleh membuktikan kerugian, kerosakan atau kontigensi lain tersebut berlaku secara berasingan daripada kewujudan keadaan yang luar biasa tersebut.

Di dalam apa-apa tindakan, tindakan guaman atau prosiding lain, di mana, apabila pihak Syarikat mengatakan bahawa dengan sebab peruntukan syarat ini, sebarang kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh Sijil Takaful ini, beban untuk membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi adalah bergantung kepada Peserta Takaful.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

2. Pihak Syarikat tidak akan melindungi kerugian atau kerosakan:
 - (a) yang disebabkan oleh pemberhentian kerja, atau oleh sebab perampasan, penyitaan ketenteraan, rekuisisi atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan perintah kerajaan de jure atau de facto atau mana-mana Perbandaran Awam atau Pihak Berkuasa Tempatan Negara atau kawasan terletaknya harta tersebut;
 - (b) kepada harta melalui penapaian, kepanasan semula jadi atau kebakaran spontan atau oleh sebab ia melalui sebarang proses pemanasan atau pengeringan;
 - (c) yang timbul daripada atau akibat daripada atau yang disumbangkan oleh bahan senjata nuklear;
 - (d) yang timbul daripada atau akibat daripada atau yang disumbangkan oleh pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau apa-apa bahan buangan nuklear atau dari pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang mampu diri.
3. Pihak Syarikat tidak akan melindungi apa-apa jenis Kerugian Turutan atau kerosakan kecuali Takaful Sewa.
4. Sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku terhadap harta yang dilindungi disebabkan oleh pelanggaran Undang-undang dan prinsip-prinsip Sivil atau Syariah oleh Peserta Takaful atau dengan cara lain daripada sebarang akibat yang dilarang oleh Undang-undang dan prinsip-prinsip Syariah.

SYARAT-SYARAT AM (DIGUNA PAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI-RUMAH)

Borang Cadangan termasuk semua Borang Cadangan dan Jadual berikutnya yang dilampirkan hendaklah dibaca bersama-sama dan hendaklah menjadi pelengkap Sijil Takaful ini. Mana-mana perkataan atau ungkapan yang mempunyai maksud tertentu dan telah disertakan di dalam mana-mana bahagian Borang Cadangan, di dalam Jadual, atau Sijil Takaful ini hendaklah membawa makna yang sama apabila ia tercatat.

1. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Kewajipan pendedahan ini adalah berlainan untuk Kontrak Takaful Pengguna dan untuk Kontrak Takaful Komersil. Kedua-duanya dinyatakan berasingan seperti di bawah:

A. Kontrak Takaful Pengguna

Apabila Anda telah memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyataan dalam menjawab soalan yang terdapat dalam Borang Permohonan/ Cadangan (atau semasa Anda memohon Takaful ini) iaitu Anda perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful Anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi Anda, perubahan terma atau penamatkan kontrak takaful Anda selaras dengan remedii di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang akan mempengaruhi keputusan pihak Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful Anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Permohonan/ Cadangan (atau semasa Anda memohon Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

B. Kontrak Takaful Komersial

Apabila Anda telah memohon untuk Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda tahu yang boleh mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan, dan apa-apa perkara seorang yang munasabah patut tahu sebagai relevan yang boleh menyebabkan pembatalan kontrak Takaful, keengganan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatkan kontrak Takaful Anda.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk segera memberitahu Kami sekiranya setelah kontrak Takaful Anda dimeterai, diubah atau diperbaharui, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan/permohonan (atau ketika Anda memohon Takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

2. NOTIS

Sebarang notis atau komunikasi yang akan diberikan atau dibuat di bawah Sijil Takaful ini hendaklah diserahkan secara bertulis kepada Ibu Pejabat atau mana-mana Pejabat Cawangan Syarikat. Tiada perubahan dalam Sijil Takaful ini boleh menjadi sah melainkan jika diluluskan oleh Syarikat dan telah disahkan oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa.

3. PRA-SYARAT KEPADA TANGGUNGAN SYARIKAT

Sijil Takaful ini akan menjadi tidak sah dan terbatal dengan sendirinya apabila:

- (a) Jika sebarang Cadangan atau Akuan Peserta Takaful didapati tidak benar, atau jika apa-apa fakta penting berkaitan Peserta Takaful yang diberikan tidak tepat, atau tidak dimaklumkan secara sengaja oleh Peserta Takaful;
- (b) Jika Sijil Takaful ini atau mana-mana pembaharuan yang diperolehi melalui sebarang kesilapan pernyataan, kesilapan penyampaian atau menyembunyikan sebarang fakta; atau

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

- (c) Jika sebarang tuntutan yang dibuat tidak benar atau melibatkan penipuan atau dibesar-besarkan atau akuan atau pernyataan palsu dibuat untuk menyokong sebarang tuntutan.

4. PERUBAHAN

Peserta Takaful hendaklah memberi notis dengan segera kepada pihak Syarikat terhadap apa-apa perubahan yang berkaitan. Semua notis yang mana Peserta Takaful perlu mengemukakannya kepada pihak Syarikat mestilah diajukan secara bertulis yang dialamatkan kepada Syarikat dan tiada perubahan dalam Sijil Takaful ini atau Endorsmen ke atas Sijil Takaful ini dianggap sah melainkan jika ditandatangani atau disahkan oleh wakil yang diberi kuasa oleh pihak Syarikat.

Peserta Takaful hendaklah memberi notis kepada pihak Syarikat terhadap pengendali Takaful lain yang berkuat kuasa, melindungi mana-mana harta yang dengan ini dilindungi.

Walau apapun yang dinyatakan di atas, pihak Syarikat boleh mengubah, meminda atau mengubahsuai mana-mana bahagian Sijil Takaful, tidak terhad kepada Jadual atau Borang Cadangan mengikut budi bicaranya, dengan memberikan Peserta Takaful tempoh yang mencukupi mengenai pindaan dan perubahan tersebut.

5. KEPENTINGAN YANG DILINDUNGJI

Hanya Peserta Takaful yang memiliki hak untuk membuat tuntutan daripada pihak Syarikat, kecuali jika berlaku kematian kepada Peserta Takaful, atau melalui kuatkuasa undang-undang, penukaran kepentingan Takaful ini kepada orang lain hanya boleh berkuat kuasa selepas pihak Syarikat mengendors Sijil Takaful ini.

6. TERHAD KEPADA TIGA (3) TETAMU BERBAYAR SAHAJA

Sijil Takaful ini adalah sah jika bilangan tetamu berbayar, orang tumpangan dan penginap rumah penginapan tidak melebihi tiga (3) orang.

Bagi tujuan Manfaat Tambahan – F) Liabiliti kepada Awam, tetamu berbayar, orang tumpangan dan penginap rumah penginapan sedemikian adalah dianggap sebagai ahli Keluarga Peserta Takaful.

7. NILAI PASARAN

Pihak Syarikat akan mengganti rugi Peserta Takaful nilai yang dilindungi atau Nilai Pasaran bagi harta yang dilindungi yang mana lebih rendah, dan tertakluk kepada pemotongan sebarang Ekses.

Nilai Pasaran akan ditentukan melalui penilaian oleh pihak Syarikat daripada:

- (a) pembuat, atau
- (b) ejen tunggal yang sah atau ejen, atau
- (c) broker yang sah, pengedara yang sah, atau
- (d) kontraktor bangunan, atau
- (e) penyelaras kerugian berlesen di bawah Akta Takaful 1984, atau
- (f) Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai dan Pentaksir 1981 yang dilantik secara bersama di antara Peserta Takaful dan pihak Syarikat.

Penilaian yang diperolehi adalah bukti muktamad di dalam mana-mana prosiding guaman terhadap pihak Syarikat.

8. LIABILITI MAKSUMUM SYARIKAT

Jumlah keseluruhan liabiliti pihak Syarikat kepada Peserta Takaful berkenaan dengan kerugian atau kerosakan di dalam mana-mana satu Tempoh Takaful tidak akan melebihi jumlah yang dinyatakan terhadap setiap butiran atau secara agregat keseluruhan Amaun Perlindungan yang dinyatakan secara khusus di dalam Jadual atau jumlah lain yang disahkan di dalam Sijil Takaful.

9. PURATA

Jika Nilai Pasaran harta yang dilindungi pada masa sebarang kerugian berlaku, secara kolektif memiliki nilai yang lebih besar daripada Amaun Perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual, maka Peserta Takaful hendaklah bertanggungjawab ke atas perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung perkadarannya setimpal bagi kerugian tersebut sewajarnya. Perkongsian kadar kerugian diguna pakai secara berasingan terhadap setiap butiran yang dilindungi.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

10. EKSES

Bagi kerugian atau kerosakan (kecuali akibat kebakaran) kepada Bangunan Rumah Kediaman Persendirian oleh mana-mana Kejadian yang Dilindungi yang tertakluk kepada Ekses, Ekses diguna pakai secara berasingan kepada:

- (a) setiap Bangunan. Semua Bangunan di dalam Premis yang sama seperti yang dinyatakan di dalam Jadual adalah dianggap sebagai satu Bangunan.
- (b) setiap insiden. Jika Kejadian yang Dilindungi yang sama berlaku dalam masa tujuh (7) hari berturut-turut, ia adalah dianggap insiden yang sama.

11. TAKAFUL/INSURANS LAIN

Jika terdapat sebarang Takaful/ Insurans lain yang memberi perlindungan yang sama atau sebahagian daripada kerugian, kerosakan atau liabiliti, pihak Syarikat hanya akan membayar perkadarannya setimpal daripada jumlah kerugian, kerosakan atau liabiliti.

12. SUBROGASI

Pihak Syarikat berhak untuk melaksanakan di atas nama Peserta Takaful dan bagi pihak Peserta Takaful:

- (a) pengendalian penuh, kawalan dan penyelesaian apa-apa prosiding;
- (b) mendapatkan kembali pampasan atau gantirugi dari mana-mana pihak ketiga berkenaan apa-apa yang dilindungi di bawah Sijil Takaful ini.

di atas perbelanjaan dan manfaat pihak Syarikat sendiri.

13. HAK AKSES DAN KAWALAN

Apabila berlaku apa-apa kerugian atau kerosakan pihak Syarikat berhak untuk:

- (a) memasuki mana-mana bangunan di mana kerugian dan kerosakan tersebut telah berlaku;
- (b) membuat pemilikan harta yang dilindungi;
- (c) menguruskan sisaan harta yang dilindungi yang telah rosak.

Walau bagaimanapun Peserta Takaful tidak boleh meninggalkan harta yang dilindungi yang telah rosak itu kepada pihak Syarikat.

14. PENIMBANGTARAAN

Jika terdapat apa-apa pertelingkahan yang timbul mengenai jumlah kerugian dan kerosakan di antara Peserta Takaful dan pihak Syarikat, pertelingkahan sedemikian hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh Peserta Takaful dan pihak Syarikat. Jika Peserta Takaful dan pihak Syarikat tidak mencapai persetujuan dengan seorang Penimbang Tara tunggal, dalam tempoh dua (2) bulan apabila dikehendaki secara bertulis untuk berbuat demikian, maka pihak Peserta Takaful dan pihak Syarikat layak untuk melantik Penimbang Tara masing-masing dan hendaklah melantik seorang Wasit untuk mempengaruhi mesyuarat tersebut. Walau bagaimanapun, satu pihak adalah bebas untuk melantik seorang Penimbang Tara tunggal sekiranya pihak yang satu lagi gagal untuk melantik seorang Penimbang Tara dalam masa dua (2) bulan setelah menerima notis secara bertulis untuk melantik seorang Penimbang Tara yang lain.

Kos timbangtara dan anugerah hendaklah diputuskan oleh Penimbang Tara atau Wasit yang membuat anugerah.

Peserta Takaful dan pihak Syarikat dengan jelas bersetuju bahawa anugerah oleh Penimbang Tara atau Wasit hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum Peserta Takaful boleh memulakan prosiding guaman terhadap pihak Syarikat.

15. NOTIS DAN BUKTI TUNTUTAN

Peserta Takaful hendaklah dengan segera memberitahu pihak Syarikat secara bertulis mengenai apa-apa kerugian atau kerosakan dan:

- (a) dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas kejadian dan di atas perbelanjaan Peserta Takaful sendiri, menyerahkan kepada pihak Syarikat tuntutan secara bertulis dengan mengemukakan butir-butir terperinci dan bukti-buktinya munasabah sebagaimana yang pihak Syarikat perlukan.
- (b) bagi kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh kecurian atau percubaan mencuri, Peserta Takaful mestilah membuat laporan polis dengan segera.

16. PELAN-PELAN BANGUNAN

Sekiranya pihak Syarikat memilih untuk memulihkan semula mana-mana Bangunan, Peserta Takaful hendaklah menyediakan kepada pihak Syarikat, pelan-pelan, spesifikasi-spesifikasi dan kuantiti-kuantiti sebagaimana yang mungkin dikehendaki pihak Syarikat.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

17. TUNTUTAN LIABILITI

Peserta Takaful hendaklah apabila menerima sebarang notis mengenai apa-apa kemalangan atau tuntutan dari pihak-pihak lain, memberikan notis secara bertulis dengan segera kepada pihak Syarikat dan menyediakan butir-butir penuh secara bertulis kepada pihak Syarikat secepat yang mungkin.

Peserta Takaful hendaklah menghantar kepada pihak Syarikat dengan segera apa-apa writ, saman atau lain-lain proses perundungan yang dikeluarkan atau dimulakan terhadap Peserta Takaful serta menyediakan semua maklumat dan bantuan yang diperlukan bagi membolehkan pihak Syarikat untuk menyelesaikan atau menghalang apa-apa tuntutan atau untuk memulakan prosiding.

Peserta Takaful tidak boleh tanpa keizinan bertulis daripada pihak Syarikat:

- (a) mengakui atau menyangkal apa-apa tuntutan atau liabiliti;
- (b) menawar atau berunding untuk membayar tuntutan.

18. KEWAJIPAN BERJAGA-JAGA

Peserta Takaful hendaklah menggunakan segala usaha dan kecermatan yang munasabah bagi menyelenggara Premis tersebut dalam keadaan sesuai untuk dibaik pulih. Sebagai tuanpunya Rumah Kediaman Persendirian, Peserta Takaful hendaklah membaiki secepat mungkin apa-apa kecacatan yang ditemui dan pada masa yang sama, mengambil langkah berhati-hati untuk mencegah daripada berlakunya kecederaan, kerugian dan kerosakan.

Pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kecederaan, kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh kegagalan Peserta Takaful untuk memulihkan kecacatan itu selepas menerima notis daripada pihak Syarikat atau daripada mana-mana orang atau badan awam.

19. BAYARAN AMAUN PERLINDUNGAN

Selepas sesuatu kerugian, jumlah penuh Amaun Perlindungan di bawah Sijil Takaful ini hendaklah dikenakan.

Peserta Takaful dikehendaki untuk membayar Sumbangan Takaful tambahan secara pro rata berdasarkan jumlah kerugian yang dikira dari tarikh kerugian tersebut sehingga tamat Tempoh Takaful.

20. FASAL SIJIL TAKAFUL TANPA NILAI

Ini adalah suatu Sijil Takaful tanpa nilai. Peserta Takaful mestilah membuktikan sehingga pihak Syarikat berpuas hati akan nilai atau jumlah sebenar harta pada masa berlakunya kemasuhan tersebut.

21. PEMBATALAN

Sijil Takaful ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa atas permintaan Peserta Takaful, di mana pihak Syarikat akan membayar wang pulangan Sumbangan Takaful mengikut kaedah pro rata untuk tempoh yang belum lalu. Sijil Takaful ini juga boleh ditamatkan atas sebarang sebab menurut pilihan pihak Syarikat dengan menghantar notis empat belas (14) hari melalui surat berdaftar kepada Peserta Takaful di alamat terakhir yang diketahui. Dalam keadaan ini, pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar balik kerugian-kerugian yang tertanggung seperti yang dijelaskan sebelum ini.

Nota: Yuran pengurusan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sekiranya pembatalan dibuat atas permintaan Peserta Takaful.

22. PELEPASAN PENERIMAAN

Pembayaran sebarang amaun yang dibayar atau dibuat oleh pihak Syarikat akan dianggap sebagai pelepasan tanggungan yang sah kepada pihak Syarikat dan akan membebaskan pihak Syarikat daripada sebarang tuntutan atau permintaan yang berkaitan dengannya.

23. PERBELANJAAN

Pihak Syarikat akan menanggung semua perbelanjaan operasinya. Peserta Takaful akan menanggung perbelanjaan yang berkaitan yang melibatkan kepentingan mereka seperti yang dibenarkan oleh pihak berkuasa.

24. PERUNTUKAN SUMBANGAN TAKAFUL

Sumbangan Takaful yang diperuntukkan oleh Peserta Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Jadual akan dimasukkan ke dalam Ta'awuni Account Pool (TAP) untuk membayar Yuran Wakalah kepada Dana Pemegang Saham dan Tabarru' kepada Dana Risiko. Pihak Syarikat akan menguruskan TAP mengikut prinsip Wakalah yang ditakrifkan oleh pihak Syarikat dan selaras dengan prinsip Syariah.

Pihak Syarikat akan mengenakan Yuran Wakalah sehingga 60% daripada Sumbangan Takaful pada permulaan tempoh Sijil Takaful berkuat kuasa dan baki Sumbangan Takaful akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko sebagai Tabarru' bagi membantu semua Peserta Takaful yang ditimpa musibah.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

25. LEBIHAN

Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, Pihak Syarikat boleh, mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian.

Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Sekiranya jumlah untuk Peserta Takaful kurang daripada had yang diperuntukkan, maka jumlah berkenaan akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi pihak Peserta Takaful. Had serta kaedah dan tempoh penyelesaian pengagihan lebihan adalah seperti yang ditakrifkan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan.

Sebarang kekurangan dalam Dana Risiko akan dibiayai melalui pinjaman tanpa faedah (Qard) daripada Dana Pemegang Saham. Caj ke atas pembiayaan ini hendaklah diambil kira terlebih dahulu bila mana lebihan diperolehi pada masa hadapan. Jika defisit di dalam Dana Risiko berlaku akibat dari kecualian pihak Syarikat, maka menjadi tanggungjawab pihak Syarikat untuk memastikan dana tersebut stabil melalui kaedah pindahan tanpa syarat (outright transfer) dan tidak dianggap sebagai pendahuluan melalui Qard.

26. KEPATUHAN DAN KETEPATAN TERHADAP SYARAT-SYARAT

Mematuhi dan memenuhi terma-terma, syarat-syarat, dan Endorsmen yang terkandung di dalam Sijil Takaful setakat mana ia berkaitan dengan sebarang perkara yang perlu dilaksanakan atau dipatuhi oleh Peserta Takaful adalah tanggungjawab Peserta Takaful, dan ketelusan di dalam pernyataan mahupun perakuan di dalam Borang Cadangan menjadi pra-syarat untuk sebarang pembayaran pampasan oleh pihak Syarikat.

27. UNDANG-UNDANG

Sijil Takaful ini termasuk semua Borang Cadangan dan Jadual adalah tertakluk kepada garis panduan Bank Negara Malaysia atau perundangan subsidiari lain, peraturan, arahan atau perintah daripada penguasa peraturan lain.

28. KETEPATAN MASA

Masa, di mana-mana juga disebutkan di dalam Sijil Takaful ini, menjadi intipati perjanjian.

29. CUKAI

Sebarang sumbangan, yuran dan wang lain yang dibayar di bawah Sijil Takaful ini tertakluk kepada cukai, levi atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya.

30. PENGLIBATAN PIHAK KETIGA

Dalam menjalankan mandat yang diberikan oleh Peserta Takaful, mungkin wujud satu keperluan bagi pihak Syarikat untuk mendapatkan perkhidmatan pihak ketiga. Justeru, Peserta Takaful bersetuju membenarkan pihak Syarikat mendapatkan perkhidmatan daripada pihak ketiga untuk tujuan dan kepentingan peserta dan Perniagaan Takaful.

WARANTI BERKENAAN (DIGUNA PAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI-RUMAH)

Sijil Takaful ini adalah tertakluk kepada Waranti-waranti yang berikut:

- **Waranti Pembatasan Barang Dagangan**

Tiada bahagian Premis ini yang digunakan untuk membuat atau meletak atau menyimpan barang dagangan dalam Tempoh Takaful.

- **Waranti Sumbangan Takaful**

Sumbangan Takaful kepada pihak Syarikat mestilah dibayar dan diterima oleh pihak Syarikat dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Sijil Takaful ini atau Endorsmen / pembaharuan Sijil Takaful.

Jika syarat ini tidak dipatuhi, Sijil Takaful ini akan terbatal secara automatik dan pihak Syarikat memiliki hak terhadap Sumbangan Takaful prorata bagi tempoh Syarikat menyediakan perlindungan.

Jika Sumbangan Takaful yang perlu dibayar diterima oleh ejen yang diberi kuasa oleh pihak Syarikat, pembayaran itu dianggap telah diterima oleh pihak Syarikat untuk tujuan waranti ini.

Beban bagi membuktikan bahawa Sumbangan Takaful yang perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen Takaful yang tidak diberi kuasa untuk menerima Sumbangan Takaful itu, terletak di tangan pihak Syarikat.

Nota: Terdapat Fasal Peril/ Endorsmen dan/atau Waranti lain yang hanya diguna pakai kepada Sijil Takaful ini apabila disebut secara spesifik di dalam Jadual dan selainnya tertakluk kepada terma Sijil Takaful ini.

SIJIL TAKAFUL INI DAN SEMUA SYARAT HENDAKLAH DITELITI SEBAIK SAHAJA DITERIMA OLEH PESERTA TAKAFUL DAN JIKA TERDAPAT SEBARANG KESILAPAN HENDAKLAH DIKEMBALIKAN DENGAN SEGERA UNTUK PEMBETULAN. DAN LANGGANAN YANG BERTERUSAN OLEH PESERTA TAKAFUL TERHADAP PELAN PERLINDUNGAN TAKAFULINI DIANGGAP SEBAGAI PENERIMAAN DAN PERSETUJUAN PESERTA TAKAFUL UNTUK DIIKAT DAN MEMAHAMI TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT SIJIL TAKAFULINI.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

NOTIS PENTING

Kami amat prihatin dengan perkhidmatan yang Kami berikan kepada pelanggan Kami, dan adalah menjadi tanggungjawab kakitangan Kami untuk mengekalkan standard terbaik. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan di pihak Kami, sila utarakan kepada Kami melalui:

**Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,
Takaful Ikhlas General Berhad,
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.**

Tel: +603-27239696
Faks: +603-27239998
Emel: complaints@takaful-ikhlas.com.my

Untuk notis undang-undang yang perlu diserahkan secara terus atau mana-mana surat rasmi, sila hantarkan ke:

**Takaful Ikhlas General Berhad,
IKHLAS Point, Tingkat 9, Menara 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.**

Untuk perhatian: Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

Kami akan memastikan masalah Anda dikaji secara komprehensif. Sekiranya Anda masih tidak berpuas hati dengan keputusan pihak Syarikat, maka Anda boleh merujuk kes Anda kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan dalam tempoh enam (6) bulan dari hari pihak Syarikat membuat keputusan muktamad. Alamat adalah seperti berikut:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (664393P) Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No 4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur. Tel : 603-2272 2811 Fax : 603-2272 1577 Emel: enquiry@ofs.org.my Laman sesawang: www.ofs.org.my	Contact Centre (BNMTELELINK) Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia Peti Surat 10922 50929 Kuala Lumpur Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK) Faks : 03-21741515 Emel: bnmtelelink@bnm.gov.my
---	--

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

FASAL-FASAL

Fasal-fasal berikut hanya terpakai bagi Sijil Takaful ini sekiranya ia dinyatakan secara khusus dalam Jadual dan adalah tertakluk kepada syarat-syarat Sijil Takaful ini.

FC1. FASAL PEMINDAHAN SEMENTARA

a) Isi-rumah Rumah Kediaman Persendirian

Harta yang dilindungi di bawah (butiran....) yang terdapat di dalam Sijil Takaful adalah dilindungi ketika dipindahkan sementara termasuk ketika di dalam transit tetapi masih berada di dalam Malaysia, Republik Singapura dan Brunei Darussalam untuk jumlah tidak melebihi 15% dari Amaun Perlindungan di bawah (setiap satu butiran daripada) Sijil Takaful ini.

Jumlah yang boleh diperolehi semula di bawah perluasan ini terhadap (setiap satu butiran daripada) Sijil Takaful ini tidak boleh melebihi jumlah yang mungkin boleh diperolehi semula sekiranya kerugian berlaku di Premis yang mana harta telah dipindahkan untuk sementara.

Perluasan ini tidak boleh diguna pakai ke atas harta sekiranya ia dilindungi oleh Takaful lain atau harta dipindahkan untuk jualan atau pameran atau ke tempat simpanan perabot.

N.B. Perkataan di dalam kurungan boleh diabaikan apabila perlu.

b) Harta Lain Kecuali Stok Dagangan dan Barang Perniagaan

Harta yang dilindungi di bawah butiran..... Sijil Takaful ini dilindungi (terhad kepada 10% daripada Amaun Perlindungan) ketika dipindahkan sementara untuk pembersihan, pengubahsuaihan, modifikasi, pengembalian semula atau tujuan lain yang serupa di tempat lain di dalam Premis yang sama atau ke mana-mana Premis lain dan ketika dalam transit kepadanya dan daripadanya melalui jalan raya, rel atau laluan jalan air pedalaman Malaysia, Republik Singapura dan Brunei Darussalam.

Jumlah yang boleh diperolehi semula di bawah perluasan ini terhadap harta yang dipindahkan tidak boleh melebihi jumlah yang mungkin boleh diperolehi semula sekiranya kerugian berlaku di sebahagian Premis yang mana harta telah dipindahkan untuk sementara.

Perluasan ini tidak boleh digunakan kepada harta jika dan sekiranya ia dilindungi oleh Takaful lain, mahupun digunakan kepada butiran yang melindungi stok dan segala barang perniagaan, mahupun melibatkan kerugian yang berlaku di tempat lain selain daripada Premis yang mana harta itu telah dipindahkan untuk sementara kepada:

- i) Kenderaan Bermotor dan Casis Bermotor
- ii) Harta (selain dari mesin dan loji) dipegang oleh Peserta Takaful sebagai amanah.

FC2. PEMBERSIHAN PUING

a) Pembersihan Puing (dengan Amaun Perlindungan berasingan)

Perlindungan Takaful mengikut perkara di atas adalah berkaitan dengan kos dan perbelanjaan sepatutnya tertanggung oleh Peserta Takaful dengan kebenaran Syarikat ke atas:-

- (a) Pembersihan Puing
- (b) menanggal dan/atau meroboh
- (c) menyokong atau mengampu

pada bahagian harta yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini musnah atau rosak disebabkan oleh kebakaran atau Peril lain yang dilindungi. (Butiran (b) dan (c) di atas adalah dianggap terpotong apabila Bangunan atau mesin tidak dilindungi).

Pihak Syarikat tidak akan membayar apa-apa kos atau perbelanjaan yang:

- (i) tertanggung dalam pengalihan debris kecuali daripada tapak harta itu musnah atau rosak dan kawasan bersebelahan dengan tapak tersebut.
- (ii) timbul daripada pencemaran atau kontaminasi harta yang tidak dilindungi oleh Sijil Takaful ini.

b) Pembersihan Puing (tanpa Amaun Perlindungan berasingan)

Perlindungan Takaful untuk Butiran No. dengan ini dilindungi termasuk kos dan perbelanjaan sepatutnya tertanggung oleh Peserta Takaful dengan kebenaran pihak Syarikat ke atas:-

- (a) Pembersihan Puing
- (b) menanggal dan/atau meroboh
- (c) menyokong atau mengampu

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

pada bahagian harta yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini musnah atau rosak disebabkan oleh kebakaran atau Peril lain yang dilindungi. (Butiran (b) dan (c) di atas adalah dianggap terpotong apabila Bangunan atau mesin dilindungi).

Jumlah yang perlu dibayar untuk kos dan perbelanjaan tidak boleh melebihi 10% daripada Amaun Perlindungan untuk setiap Butiran atau secara agregat Ringgit Malaysia Dua Juta (RM2,000,000) bagi mana-mana satu kerugian, mengikut yang mana lebih rendah.

Pihak Syarikat tidak akan membayar apa-apa kos atau perbelanjaan yang:

- (i) tertanggung dalam membersih puing kecuali daripada tapak harta itu musnah atau rosak dan kawasan bersebelahan dengan tapak tersebut.
- (ii) timbul daripada pencemaran atau kontaminasi harta yang tidak dilindungi oleh Sijil Takaful ini.

dengan syarat liabiliti maksimum Syarikat tidak boleh melebihi jumlah tercatat dalam Jadual bagi setiap Butiran yang dilindungi.

FC3. YURAN ARKITEK, PENYELARAS DAN PERUNDING

- a) **Yuran Arkitek, Penyelaras, Jurutera dan Perunding (Amaun Perlindungan berasingan) diguna pakai pada butiran bermombor....**

Perlindungan Takaful bagi butiran ini yang merujuk kepada yuran Arkitek, Penyelaras dan Jurutera perunding untuk anggaran, pelan, spesifikasi, kuantiti, tender dan penyeliaan yang sepatutnya dikenakan di dalam pengembalian semula harta yang dilindungi yang disebabkan oleh kemusnahan atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran atau Peril lain yang dilindungi tetapi bukan yuran persediaan untuk membuat tuntutan di bawah ini. Jumlah berbayar untuk yuran sedemikian hendaklah tidak melebihi jumlah yang dibenarkan di bawah skala Persatuan bidang berkenaan yang lazim ketika berlakunya kemusnahan atau kerosakan, tertakluk kepada had Amaun Perlindungan kepada butiran tersebut.

- b) **Yuran Arkitek, Penyelaras, Jurutera dan Perunding (Amaun Perlindungan tidak berasingan)**

Perlindungan Takaful bagi Bangunan, loji dan mesin yang dilindungi termasuklah yuran Arkitek, Penyelaras dan Jurutera perunding untuk anggaran, pelan, spesifikasi, kuantiti, tender dan penyeliaan yang sepatutnya dikenakan di dalam pengembalian semula harta yang dilindungi yang disebabkan oleh kemusnahan atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran atau Peril lain yang dilindungi tetapi bukan yuran persediaan untuk membuat tuntutan di bawah ini. Jumlah berbayar untuk yuran sedemikian hendaklah tidak melebihi jumlah yang dibenarkan di bawah skala Persatuan bidang berkenaan yang lazim ketika berlakunya kemusnahan atau kerosakan, tertakluk kepada had jumlah liabiliti maksimum syarikat untuk apa-apa kerugian kerosakan dan tanggung rugi tidak melebihi Amaun Perlindungan bagi setiap butiran

FC6. FASAL PENERIMA GADAI JANJI (PEMEGANG GADAIAN)

A. Fasal 1 Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian)

Kerugian, jika ada, dibayar sebagai Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) di mana hak kepentingan mungkin wujud dalam Sijil Takaful ini akan dibuat setakat kepentingan Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) dan tidak akan terjejas atas perbuatan atau kecualian Penggadai Janji (Penggadai) atau Pemilik harta tersebut atau mana-mana perampasan atau prosiding lain atau notis penjualan harta tersebut atau penggunaan Bangunan tersebut bagi tujuan yang lebih berbahaya daripada yang dibenarkan oleh Sijil Takaful ini, atau dalam keadaan ia tidak digunakan, atau apa-apa tambahan risiko yang berlaku terhadap harta yang dilindungi. Tertakluk bawanya sekiranya Penggadai Janji (Penggadai) atau Pemilik harta gagal membayar apa-apa Sumbangan Takaful yang sepatutnya dibayar di bawah Sijil Takaful ini, Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) hendaklah atas permintaan membayarnya. Tertakluk juga bawanya Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) akan memberitahu Syarikat jika harta yang dilindungi tidak didiami atau apa-apa penukaran hak milik atau penggunaan atau bertambahnya bahaya yang telah sampai kepada pengetahuan Pemegang Gadai Janji (Pemegang Gadaian) kecuali ianya dibenarkan dan dicatat di dalam Sijil Takaful ini dan Penerima Gandai Janji (Pemegang Gadaian) hendaklah atas permintaan membayar Sumbangan Takaful untuk penambahan bahaya tersebut jika tidak Sijil Takaful ini akan dianggap batal dan tidak sah.

Dan seterusnya dipersetujui bawanya apabila Syarikat membayar Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) tersebut apa-apa jumlah yang berhubung dengan kerugian atau kerosakan di bawah Sijil Takaful ini dan menganggap tiada lagi liabiliti yang wujud ke atas Penggadai Janji (Penggadai) atau Pemilik harta, Syarikat berhak di bawah undang-undang ke atas semua hak gadaian setakat had bayaran tersebut dan tidak sehingga merosakkan hak Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) untuk memperoleh kembali jumlah penuh apa-apa tuntutan yang mungkin ada pada Penggadai Janji (Penggadai) tersebut Pemilik harta atau mana-mana Peserta Takaful di bawah ini atau daripada mana-mana sekuriti atau dana yang ada.

Fasal Tidak Boleh Batal

Dan seterusnya dipersetujui bawanya pembatalan Sijil Takaful ini tidak boleh dibuat oleh Peserta Takaful kecuali pemberitahuan terlebih dahulu kepada Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) secara bertulis memberi notis empat belas (14) hari kepada alamat Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) yang terakhir diketahui.

Nota: Apabila kepentingan adalah melibatkan Pemegang Gadaian dan Pemberi Gadaian maka perkataan dalam kurungan akan bermaksud sebagai Penerima Gadai Janji dan Pemberi Gadai Janji.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

B. Fasal 2 Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian)

Adalah dipersejuaui bahawa perlindungan Sijil Takaful ini {atas kepentingan Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian)} tidak terbatasi oleh apa-apa perubahan dalam penggunaan atau peningkatan risiko ke atas harta yang dilindungi tanpa pengetahuan Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) dengan syarat Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) hendaklah memberi notis kepada Syarikat dan membayar Sumbangan Takaful tambahan (jika ada) yang dikehendaki oleh Syarikat dari tarikh peningkatan risiko tersebut.

Fasal Tidak Boleh Batal

Dan seterusnya dipersejuaui bahawa pembatalan Sijil Takaful ini tidak boleh dibuat oleh Peserta Takaful kecuali pemberitahuan terlebih dahulu kepada Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) secara bertulis memberi notis empat belas (14) hari kepada alamat Penerima Gadai Janji (Pemegang Gadaian) yang terakhir diketahui.

Nota: Apabila kepentingan adalah melibatkan Pemegang Gadaian dan Pemberi Gadaian maka perkataan dalam kurungan akan bermaksud sebagai Penerima Gadai Janji dan Pemberi Gadai Janji.

FC8. PENGECAULIAN TAPAK BANGUNAN

Perlindungan Takaful ke atas Bangunan tidak termasuk mana-mana bahagian yang lebih rendah daripada permukaan bawah* tingkat terbahau sekali (dan bahagian tapak konkrit untuk alatan mesin yang mengatasi paras sedemikian).

Nota 1: * "atas" boleh digunakan untuk menggantikan "bawah".

Nota 2: Perkataan di dalam kurungan boleh diabaikan.

FC9. SEWA

(a) Sewa (diguna pakai kepada pemilik bukan penghuni Premis)

Untukbulan sewa dilindungi. Amaun Perlindungan: RM

Perlindungan Takaful untuk Sewa ini diguna pakai jika (mana-mana) Bangunan atau bahagian yang tidak layak untuk diduduki akibat dari kebakaran atau mana-mana Peril yang dilindungi dan jumlah yang perlu dibayar hendaklah tidak melebihi bahagian Amaun Perlindungan ke atas Sewa oleh sebab tempoh baik pulih atau pengembalian semula bergantung kepada jumlah bulan Sewa yang dilindungi.

(b) Sewa (diguna pakai kepada penghuni pemilik Premis)

Untukbulan sewa dilindungi. Amaun Perlindungan: RM

Perlindungan Takaful untuk Sewa ini diguna pakai jika (mana-mana) Bangunan atau bahagian yang tidak layak untuk diduduki akibat dari kebakaran atau mana-mana Peril yang dilindungi dan jumlah yang perlu dibayar hendaklah perbelanjaan tambahan yang munasabah yang semestinya tertanggung oleh Peserta Takaful untuk menyewa Premis alternatif di tempat lain. Dengan syarat jumlah yang dibayar tidak boleh melebihi perbelanjaan yang dilindungi oleh sebab tempoh baik pulih atau pengembalian semula bergantung kepada jumlah bulan perbelanjaan yang dilindungi.

FC10. REKOD SISTEM KOMPUTER

Rekod sistem komputer dilindungi hanya ke atas nilai bahan berserta kos kerja kerani dan waktu komputer yang digunakan untuk penghasilan semula rekod tersebut (tidak termasuk perbelanjaan yang berkaitan dengan penghasilan maklumat yang perlu direkodkan) dan bukan atas nilai maklumat yang terkandung di dalamnya.

FC11. FASAL PENJENISAN

Bagi tujuan untuk menentukan jika perlu butiran (tajuk ruang) di bawah mana-mana harta dilindungi, Syarikat bersetuju untuk menerima penjenisan harta sedemikian yang tercatat dalam buku Peserta Takaful.

FC14. FASAL TAKAFUL BERSAMA DAN PENANGGUNG TAKAFUL UTAMA

Adalah diperakui dan dipersejuaui walau apa pun yang terkandung dalam Sijil Takaful atau atas apa-apa pengendorsan yang berlainan merujuk kepada "pihak Syarikat" hendaklah dianggap bermaksud setiap Syarikat yang berikut bersetuju ke atas bahagian individu yang ditetapkan bahagiannya tertakluk kepada terma, pengecualian dan syarat di sini atau dilampirkan atau diendorskan keatasnya, semasa Tempoh Takaful yang dinyatakan didalam jadual Peserta Takaful hendaklah mengalami kerugian atau kerosakan dalam kejadian yang dilindungi dibawah Sijil Takaful ini menggantirugi pihak Peserta Takaful dalam bentuk yang dinyatakan dibawah ini: -

Syarikat	No Sijil Takaful	Bahagian	Tandatangan

Adalah diperakui dan dipersejuaui walau apa pun bertentangan dengan apa yang terkandung, penanggung Takaful utama dibenarkan untuk menandatangi Sijil Takaful/Pengendorsan/Resit Pembaharuan.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

Bagi semua maksud dan tujuan, Sijil Takaful ini hendaklah berkuat kuasa seolah-olah setiap satu penanggung Takaful yang tercatat di atas telah mengeluarkan Sijil Takaful berasaling untuk bahagian individu ke atas Amaun Perlindungan.

FC15. FASAL PEMBAHARUAN AUTOMATIK

Sijil Takaful ini dianggap diperbaharui secara automatik dan Sumbangan Takaful sewajarnya dikenakan ketika tamatnya Sijil Takaful kecuali diberitahu sebaliknya.

FC16. FASAL NILAI PENGEMBALIAN SEMULA

Walau apa pun yang berlainan yang terkandung di dalam syarat 17 Sijil Takaful ini adalah diisyiharkan dan dipersetujui bahawa sekiranya harta yang dilindungi di bawah (butiran nombor) Sijil Takaful ini didapati musnah atau rosak, asas pengiraan jumlah yang dibayar di bawah (setiap butiran yang dinyatakan) Sijil Takaful ini adalah dikira berdasarkan kos untuk mengganti dan membaik pulih di tapak Bangunan yang sama bentuk atau jenis tetapi tidak melebihi atau lebih baik daripada biasa atau lebih luas daripada harta yang dilindungi ketika baru, tertakluk kepada Peruntukan Khas berikut dan tertakluk juga terma dan syarat Sijil Takaful kecuali yang sama tetapi dengan cara ini berlainan.

PERUNTUKAN KHAS

1. Kerja mengganti atau membaik pulih (yang akan dilakukan ke atas tapak lain dan cara yang bersesuaian dengan keperluan Peserta Takaful tetapi tertakluk kepada liabiliti Syarikat yang tidak bertambah) mesti dimulakan dan dilaksanakan dengan segera secara munasabah dan dalam hal lain mesti diselesaikan dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas kemusnahaan atau kerosakan atau dalam tempoh tambahan Syarikat akan (dalam tempoh dua belas (12) bulan tersebut) secara bertulis membenarkan, jika tidak tiada bayaran yang melebihi jumlah yang mungkin dibayar di bawah Sijil Takaful ini jika memorandum ini belum dimasukkan.
2. Sehingga perbelanjaan telah dikenakan oleh Peserta Takaful untuk mengganti atau membaik pulih harta yang musnah dan rosak pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa bayaran yang melebihi jumlah yang sepatutnya dibayar di bawah Sijil Takaful ini jika memorandum tidak dimasukkan.
3. Jika sewaktu penggantian atau membaik pulih jumlah yang mewakili kos yang mungkin dikenakan untuk mengganti atau membaik pulih jika keseluruhan harta yang dilindungi telah musnah melebihi Amaun Perlindungan tersebut ketika berlakunya kebakaran atau pada permulaan mana-mana kemusnahaan atau kerosakan pada harta oleh sebab Peril lain yang dilindungi di bawah Sijil Takaful ini, maka Peserta Takaful hendaklah dianggap sebagai penanggung Takaful sendiri bagi jumlah yang berlebihan dan akan menanggung pekadaran setimpal bagi kerugian sepatutnya. Setiap butiran di dalam Sijil Takaful ini (jika melebihi daripada satu) memorandum ini hendaklah digunakan secara berasingan tetapi tertakluk pada peruntukan sebelumnya.
4. Memorandum ini tidak akan berkuat kuasa atau berkesan jika:-
 - a) Peserta Takaful gagal untuk memberitahu kepada Syarikat dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kemusnahaan atau kerosakan, atau tempoh tambahan seperti yang dipersetujui oleh syarikat secara bertulis membenarkan beliau untuk mengganti atau membaik pulih harta yang musnah atau rosak.
 - b) Peserta Takaful tidak berupaya atau tidak mahu mengganti atau membaik pulih harta yang musnah atau rosak di atas tapak yang sama atau di tempat lain.
5. Tiada bayaran boleh dibuat melebihi jumlah yang perlu dibayar di bawah Sijil Takaful ini jika memorandum ini tidak dimasukkan di sini jika sewaktu berlakunya mana-mana kemusnahaan atau kerosakan terhadap mana-mana harta yang dilindungi di bawah ini, harta tersebut dilindungi oleh mana-mana Takaful lain yang dikuat kuasa oleh atau bagi pihak Peserta Takaful yang mana tidak serupa dengan asas baik pulih yang sama yang ditetapkan di sini.

FC16A. FASAL NILAI PENGEMBALIAN SEMULA (HARTA HAK MILIK STRATA)

Walau apapun yang berlainan yang terkandung di dalam syarat 17 Sijil Takaful ini adalah diisyiharkan dan dipersetujui bahawa sekiranya harta yang dilindungi di bawah (butiran nombor) Sijil Takaful ini didapati musnah atau rosak, asas pengiraan jumlah yang dibayar di bawah (setiap butiran yang dinyatakan) Sijil Takaful ini adalah dikira berdasarkan kos untuk mengganti dan membaik pulih di tapak Bangunan yang sama bentuk atau jenis tetapi tidak melebihi atau lebih baik daripada biasa atau lebih luas daripada harta yang dilindungi ketika baru, tertakluk kepada Peruntukan Khas berikut dan tertakluk juga terma dan syarat Sijil Takaful kecuali yang sama tetapi dengan cara ini berlainan.

PERUNTUKAN KHAS

1. Kerja mengganti atau membaik pulih (yang akan dilakukan ke atas tapak lain dan cara yang bersesuaian dengan keperluan Peserta Takaful tetapi tertakluk kepada liabiliti Syarikat yang tidak bertambah) mesti dimulakan dan dilaksanakan dengan segera secara munasabah dan dalam hal lain mesti diselesaikan dalam tempoh dua belas bulan (12) selepas kemusnahaan atau kerosakan atau dalam tempoh tambahan syarikat akan (dalam tempoh dua belas bulan (12) bulan tersebut) secara bertulis membenarkan, sebaliknya tiada bayaran melebihi jumlah yang mungkin dibayar di bawah Sijil Takaful ini jika fasal ini belum dimasukkan dengan ini telah dibuat.
2. Sehingga perbelanjaan telah dikenakan oleh Peserta Takaful untuk mengganti atau membaik pulih harta yang musnah dan rosak syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa bayaran yang melebihi jumlah yang sepatutnya dibayar di bawah Sijil Takaful ini jika fasal tidak dimasukkan dengan ini.
3. Jika Amaun Perlindungan sewaktu berlakunya kebakaran atau bermulanya sesuatu kemusnahaan atau kerosakan pada harta disebabkan oleh Peril lain yang dilindungi kurang daripada 85% ke atas jumlah yang mewakili kos sewaktu penggantian atau pengembalian semula yang mungkin ditanggung untuk penggantian atau pengembalian semula jika keseluruhan harta yang dilindungi

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

telah musnah maka Peserta Takaful dianggap sebagai penanggung Takafulnya sendiri bagi perbezaan di antara Amaun Perlindungan dan jumlah yang mewakili kos penuh sewaktu pengantian atau pengembalian semula yang mungkin ditanggung untuk pengantian atau pengembalian semula jika keseluruhan harta yang dilindungi telah musnah dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal kerugian sewajarnya. Setiap butiran, jika melebihi daripada satu, hendaklah tertakluk kepada Peruntukan Khas ini secara berasingan.

4. Fasal ini tidak akan berkuat kuasa atau berkesan jika:
 - a) Peserta Takaful gagal untuk memberitahu kepada Syarikat dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kemasuhan atau kerosakan, atau tempoh tambahan seperti yang dipersetujui oleh Syarikat secara bertulis membenarkan, tujuan beliau untuk mengganti atau membaik pulih harta yang musnah atau rosak.
 - b) Peserta Takaful tidak berupaya atau tidak mahu mengganti atau membaik pulih harta yang musnah atau rosak di atas tapak yang sama atau di tempat lain.
5. Tiada bayaran boleh dibuat melebihi jumlah yang perlu dibayar di bawah Sijil Takaful ini jika fasal ini tidak dimasukkan di sini jika sewaktu berlakunya mana-mana kemasuhan atau kerosakan terhadap mana-mana harta yang dilindungi di bawah ini, harta tersebut dilindungi oleh mana-mana Takaful lain yang dikuatkuasa oleh atau bagi Peserta Takaful yang tidak serupa dengan asas baik pulih yang sama yang ditetapkan di sini.
6. Sekiranya syarikat bertanggungjawab untuk membuat apa-apa pembayaran (selain daripada bayaran yang mewakili kos untuk mengganti atau membaik pulih yang musnah atau rosak) di bawah peruntukan fasal ini Syarikat akan hanya membuat bayaran mengikut Akta Hak Milik Strata 1985 dan Peraturan Hak Milik Strata (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1988 dan/atau pindaan seterusnya.

FC17. MEMBAIK PULIH – ASAS HARI PERTAMA

Memorandum

Memorandum Asas Hari Pertama (Tidak Boleh Laras) diguna pakai kepada butiran nombor (Bangunan dan/atau mesin)

1. Walau apapun yang berlainan yang terkandung di dalam syarat 17 Sijil Takaful ini, adalah diisyiharkan dan dipersetujui bahawa Peserta Takaful telah menyatakan secara bertulis Nilai Diisyiharkan yang dimasukkan dalam butiran sedemikian yang menjadikan Memorandum ini diguna pakai, Sumbangan Takaful telah dikira sewajarnya.
 “Nilai Diisyiharkan” bermaksud penaksiran Peserta Takaful ke atas kos pengantian atau pengembalian semula harta yang dilindungi dikira selaras dengan perenggan pembukaan Memorandum Nilai Membaih Pulih, pada paras kos yang diguna pakai pada permulaan Tempoh Takaful (tanpa mengambil kira faktor inflasi yang mungkin beroperasi seterusnya) bersama dengan, setakat yang disyaratkan oleh Takaful bagi butiran, kebenaran untuk:
 - (i) kos tambahan pengembalian semula mengikut kehendak Pihak Berkua,
 - (ii) Yuran profesional,
 - (iii) kos pengalihan debris (puing)
2. Pada permulaan setiap Tempoh Takaful, Peserta Takaful hendaklah memberitahu Pengendali Takaful tentang Nilai Diisyiharkan ke atas harta yang dilindungi bagi setiap butiran. Dengan ketiadaan pengisyiharaan sedemikian, jumlah jumlah terakhir yang diisyiharkan oleh Peserta Takaful akan diambil sebagai Nilai Diisyiharkan bagi Tempoh Takaful berikutnya.
3. Walau apapun sebarang indikasi am atau pengendorsan yang berlainan, penyataan berikut digunakan pada Peruntukan Khas 3 Fasal Nilai Membaih Pulih:
 3. Jika pada waktu kerugian, Nilai Diisyiharkan ke atas harta yang dilindungi oleh butiran tersebut kurang daripada kos untuk pengantian atau pengembalian semula (seperti yang didefinisikan di dalam Memorandum Asas Hari Pertama) pada permulaan Tempoh Takaful, maka liabiliti Pengendali Takaful ke atas apa-apa kerugian hendaklah terhad kepada bahagian yang mana Nilai Diisyiharkan menanggung kos untuk pengantian atau pengembalian semula (seperti yang didefinisikan di dalam Memorandum Asas Hari Pertama). Setiap butiran di dalam Sijil Takaful (jika melebihi daripada satu) yang menjadikan Memorandum ini diguna pakai hendaklah secara berasingan dan hendaklah tertakluk kepada Peruntukan sebelum ini.

dan Peruntukan Khas 6 baru berikut dimasukkan ke dalam Fasal Nilai Pengembalian Semula

6. Sekiranya, disebabkan oleh apa-apa peruntukan khas tersebut di atas, tiada bayaran boleh dibuat melebihi jumlah yang sepatutnya dibayar di bawah Sijil Takaful ini jika memorandum ini tidak dimasukkan di sini, hak dan liabiliti Pengendali Takaful dan Peserta Takaful berhubung dengan kemasuhan atau kerosakan hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Takaful ini termasuk apa-apa Syarat Purata di dalam ini, seolah-olah Memorandum ini tidak dimasukkan di sini kecuali Amaun Perlindungan hendaklah terhad kepada 120% daripada Nilai Diisyiharkan.

Memorandum

Memorandum Asas Hari Pertama (Boleh Laras) diguna pakai kepada butiran nombor (Bangunan dan/atau mesin)

1. Peserta Takaful setelah menyatakan secara bertulis Nilai Diisyiharkan yang dimasukkan dalam setiap butiran yang Memorandum ini digunakan, Sumbangan Takaful telah dikira sewajarnya.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

"Nilai Diisyiharkan" bermaksud penaksiran Peserta Takaful ke atas kos penggantian atau pengembalian semula harta yang dilindungi dikira selaras dengan perenggan pembukaan Fasal Nilai Membaih Pulih, pada paras kos yang diguna pakai pada permulaan Tempoh Takaful (tanpa mengambil kira faktor inflasi yang mungkin beroperasi seterusnya) bersama dengan, setakat yang disyaratkan oleh Takaful bagi butiran, kebenaran untuk:-

- (i) kos tambahan pengembalian semula mengikut kehendak Pihak Berkuasa,
 - (ii) Yuran profesional,
 - (iii) kos pengalihan debris (puing)
2. Pada permulaan setiap Tempoh Takaful, Peserta Takaful hendaklah memberitahu Pengendali Takaful tentang Nilai Diisyiharkan ke atas harta yang dilindungi bagi setiap butiran. Dengan ketiadaan pengisyiharaan sedemikian, jumlah terakhir yang diisyiharkan oleh Peserta Takaful akan diambil sebagai Nilai Diisyiharkan bagi Tempoh Takaful berikutnya.
3. Sumbangan Takaful berikutnya adalah sementara. Pada tamatnya setiap Tempoh Takaful Sumbangan Takaful hendaklah dilaras sebanyak 50% ke atas perbezaan di antara:-
- (i) Sumbangan Takaful sementara pada permulaan tempoh dan
 - (ii) Sumbangan Takaful dikira mengikut terma yang diguna pakai sepanjang tempoh penyelarasan mengikut Nilai Diisyiharkan bagi Tempoh Takaful berikutnya:
4. Bagi tujuan perenggan 3 Memorandum ini sahaja:-
- (i) jika Sijil Takaful (atau mana-mana butiran) dibatalkan atau tidak diperbaharui Peserta Takaful hendak menyediakan Nilai Diisyiharkan ke atas harta yang dilindungi bagi setiap butiran yang dinyatakan adalah dikira mengikut perenggan 1 Memorandum ini tetapi pada paras kos yang digunakan pada tarikh pembatalan atau tidak diperbaharui.
 - (ii) jika harta tidak dibaik pulih akibat daripada kerugian Peserta Takaful hendaklah menyediakan Nilai Diisyiharkan seolah-olah harta itu tidak rosak atau musnah.
 - (iii) jika pengisyiharan Nilai Diisyiharkan tidak dikemukakan kepada Pengendali Takaful Sumbangan Takaful tambahan sebanyak 10% ke atas Sumbangan Takaful sementara hendaklah menjadi boleh bayar.
5. Walau apapun sebarang indikasi am atau pengendorsan yang berlainan, pernyataan berikut digunakan pada Peruntukan Khas 3 Fasal Nilai Membaih Pulih:-
3. Jika pada waktu kerugian, Nilai Diisyiharkan ke atas harta yang dilindungi oleh butiran tersebut kurang daripada kos untuk penggantian atau pengembalian semula (seperti yang didefinisikan di dalam Memorandum Asas Hari Pertama) pada permulaan Tempoh Takaful, maka liabiliti Pengendali Takaful ke atas apa-apa kerugian hendaklah terhad kepada bahagian yang mana Nilai Diisyiharkan menanggung kos untuk penggantian atau pengembalian semula (seperti yang didefinisikan di dalam Memorandum Asas Hari Pertama). Setiap butiran di dalam Sijil Takaful (jika melebihi daripada satu) yang menjadikan Memorandum ini digunakan hendaklah secara berasingan dan hendaklah tertakluk kepada Peruntukan sebelum ini.

dan Peruntukan Khas 6 baru berikut dimasukkan ke dalam Fasal Nilai Pengembalian Semula

6. Sekiranya, disebabkan oleh apa-apa peruntukan khas tersebut di atas, tiada bayaran boleh dibuat melebihi jumlah yang sepatutnya dibayar di bawah Sijil Takaful ini jika memorandum ini tidak dimasukkan di sini, hak dan liabiliti Pengendali Takaful dan Peserta Takaful berhubung dengan kemusnahan atau kerosakan hendaklah tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Takaful ini termasuk apa-apa Syarat Purata di dalam ini, seolah-olah Memorandum ini tidak dimasukkan di sini kecuali Amaun Perlindungan hendaklah terhad kepada 120% daripada Nilai Diisyiharkan.

FC18. PENGEMBALIAN SEMULA MENGIKUT KEPERLUAN PIHAK BERKUASA

Walau apapun yang berlainan yang terkandung di dalam Syarat 17 Sijil Takaful ini, adalah diisyiharkan dan dipersetujui bahawa perlindungan Takaful ke atas (Butiran No.) Sijil Takaful ini merangkumi kos tambahan pengembalian semula harta dilindungi yang musnah atau rosak yang ditanggung hanya atas sebab keperluan untuk mematuhi Peraturan Bangunan atau lain-lain di bawah atau dirangka mengikut mana-mana Akta Kerajaan atau Undang-undang Kecil mana-mana Majlis atau Pihak Berkuasa Tempatan dengan syarat: -

- 1) Jumlah yang boleh dituntut semula di bawah Perluasan ini tidak termasuk: -
 - a) kos yang ditanggung dalam mematuhi mana-mana Peraturan atau Undang-undang Kecil yang disebut di atas: -
 - i) terhadap kemusnahan atau kerosakan yang berlaku sebelum pemberian perluasan ini,
 - ii) terhadap kemusnahan atau kerosakan yang tidak dilindungi oleh Sijil Takaful ini,
 - iii) notis yang telah dikeluarkan ke atas Peserta Takaful sebelum berlakunya kemusnahan atau kerosakan,
 - iv) terhadap harta yang tidak rosak atau bahagian harta yang tidak rosak.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

- b) Kos tambahan yang sepatutnya diperlukan untuk membaiki harta yang rosak atau musnah kepada keadaan yang sama dengan keadaan semasa baru sekiranya keperluan untuk mematuhi mana-mana Peraturan atau Undang-undang Kecil tidak timbul;
 - c) Jumlah mana-mana kadar, cukai, duti, pembangunan atau lain-lain caj atau penilaian yang timbul dari peningkatan modal yang mungkin perlu dibayar terhadap harta atau oleh pemilik disebabkan pematuhan mana-mana Peraturan atau Undang-undang Kecil.
- 2) Kerja-kerja pengembalian semula mesti dimulakan dan dilaksanakan dengan secepat mungkin dan dalam mana-mana hal mesti disiapkan dalam masa dua belas bulan (12) selepas kemusnahan atau dalam masa lanjutan yang Syarikat mungkin (dalam jangka waktu dua belas bulan (12) bulan tersebut) membenarkan secara bertulis dan boleh dilaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian di tapak lain (sekiranya diperlukan Peraturan atau Undang-undang Kecil yang disebut di atas) tertakluk kepada liabiliti Syarikat di bawah perluasan ini tidak akan bertambah.
- 3) Jika liabiliti Syarikat di bawah (mana-mana Butiran) Sijil Takaful selain daripada perluasan ini dikurangkan melalui penggunaan mana-mana terma dan syarat Sijil Takaful maka liabiliti syarikat di bawah perluasan ini (terhadap mana-mana butiran) hendaklah dikurangkan dengan sewajarnya.
- 4) Jumlah yang boleh dituntut di bawah mana-mana butiran Sijil Takaful tidak boleh melebihi Amaun Perlindungan.
- 5) Kesemua syarat Sijil Takaful ini kecuali setakat yang berlainan hendaklah diguna pakai sebagaimana ia telah dimasukkan di sini.

FC20. FASAL PENYIMPANAN SEMENTARA

Harta (kecuali Bangunan) yang dilindungi di bawah Sijil Takaful ini adalah dilindungi ketika penyimpanan sementara di mana-mana di Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura DENGAN SYARAT:-

- a) tempoh penyimpanan sementara tidak melebihi enam puluh (60) hari.
- b) liabiliti Syarikat adalah terhad kepada 10% daripada Amaun Perlindungan atau RM500,000 mengikut mana yang lebih rendah bagi harta yang dilindungi di bawah fasal ini.
- c) Syarikat tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian atau kerosakan pada harta ketika dalam transit (termasuk proses punggah memunggah yang merupakan sebahagian daripada transit tersebut).
- d) Perlindungan Takaful ini tidak diguna pakai ke atas harta setakat mana ia dilindungi oleh Takaful lain atau tidak diguna pakai ke atas kenderaan dan cassis motor berlesen untuk kegunaan di jalan raya atau digunakan di atas jalan raya seperti yang didefinisikan dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 (termasuk aksesori).

FC27. FASAL PEMINDAHAN DALAMAN

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku pemindahan harta dari satu Bangunan ke bangunan yang lain di mana-mana lokasi yang dinyatakan dan secara tidak sengaja tidak memberitahu Syarikat perlindungan ke atas harta tersebut akan diteruskan sewaktu pemindahan, pelarasan sewajarnya ke atas Amaun Perlindungan dan Sumbangan Takaful yang sepatutnya dibayar bermula dari tarikh pemindahan sebaik saja kesilapan tersebut diketahui.

FC28. FASAL BANGUNAN LUAR

Perlindungan Takaful mengikut setiap butiran di bawah Bangunan difahami merangkumi dinding, pintu pagar dan pagar, Bangunan luar yang kecil, peluasan, sambungan, tangga luar, peralatan untuk bahan bakar, kerangka keluli atau besi dan tangki di dalam Premis tersebut dan perlindungan Takaful mengikut setiap butiran di bawah Isi-rumah diperluaskan untuk merangkumi Isi-rumah setiap Bangunan luar.

FC29. FASAL PENILAIAN

Jika tuntutan secara agregat untuk mana-mana satu kerugian tidak melebihi RM5,000 atau 5% daripada Amaun Perlindungan yang mana jumlahnya lebih rendah mengikut butiran yang berkenaan tidak ada inventori khas atau penilaian harta yang tidak rosak diperlukan.

Jika dua atau lebih Bangunan disertakan sebagai satu butiran, proviso ini hendaklah diguna pakai kepada semua jenis Bangunan dan/atau Isi-rumah mengikut butiran yang berkenaan.

FC32. FASAL PURATA UNTUK SYARAT AGREGAT

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa walau apapun pengisyiharan setiap Amaun Perlindungan dalam Sijil Takaful, Syarat ke 20 Sijil Takaful ini akan diguna pakai seolah-olah rujukan kepada harta di dalamnya adalah untuk semua harta Peserta Takaful yang sama di lokasi yang sama dilindungi. Seterusnya, ayat "Setiap butiran Sijil Takaful, jika lebih daripada satu, hendaklah tertakluk berasingan kepada syarat ini" yang ada dalam teks untuk syarat 20 dianggap telah digugurkan.

FC33. PENGENDORSAN NILAI DIPERSETUJUI UNTUK OBJEK SENI/LUKISAN, ANTIK DAN BARANGAN SEPERTINYA

Adalah diisyiharkan dan dipersetujui di sini bahawa sekiranya butiran harta yang dilindungi yang dinyatakan di bawah hilang, binasa atau rosak sama sekali oleh mana-mana Peril yang dilindungi, liabiliti pihak Syarikat hendaklah tidak melebihi nilai yang dipersetujui yang dinyatakan bersepadan di dalam jadual berikut:-

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

Harta Yang Dilindungi	Nilai Yang Dipersetujui

Walau apapun yang terkandung di dalam Sijil Takaful ini yang bertentangan, mana-mana butiran yang dilindungi mengandungi barang berpasangan atau set, pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar lebih daripada nilai perkadarannya setimpal mana-mana bahagian tertentu yang mungkin hilang, tanpa mengambil kira mana-mana nilai khas yang barang tersebut mungkin ada sebagai sebahagian daripada pasangan atau set tersebut.

Selainnya tertakluk kepada terma pengecualian dan syarat Sijil Takaful ini.

FC34. FASAL TAKAFUL LAIN

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa Peserta Takaful dianggap telah mematuhi syarat no. 3 Sijil Takaful ini dengan syarat Peserta Takaful telah mengisyiharkan kepada pihak Syarikat jumlah Takaful yang dikuat kuasakan dengan Syarikat Takaful lain ke atas harta yang dilindungi di sini.

FC35. FASAL PASANGAN DAN SET

Adalah diisyiharkan dan dipersetujui bahawa walau apa pun terkandung bertentangan di dalam Sijil Takaful ini, mana-mana butiran yang dilindungi mengandungi barang berpasangan atau set, pihak Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk membayar lebih daripada nilai perkadarannya setimpal mana-mana bahagian tertentu yang mungkin hilang, tanpa mengambil kira mana-mana nilai khas yang barang tersebut mungkin ada sebagai sebahagian daripada pasangan atau set tersebut.

Selainnya tertakluk kepada terma pengecualian dan syarat Sijil Takaful ini.

FC38. FASAL PENYEWA (UNTUK KEPENTINGAN PEMILIK)

Adalah dengan ini dipersetujui bahawa Sijil Takaful ini untuk kepentingan Peserta Takaful ke atas harta yang dilindungi yang digunakan atau didiami oleh penyewa kepada Peserta Takaful, hendaklah tidak menjadikannya tidak sah disebabkan oleh apa-apa perubahan penghunian atau peningkatan risiko yang berlaku ke atas harta yang dilindungi tanpa pengetahuan Peserta Takaful dengan syarat Peserta Takaful secepat mungkin apabila mendapat tahu, memberi notis kepada pihak Syarikat dan membayar Sumbangan Takaful tambahan (jika ada) yang mungkin diperlukan oleh syarikat dari tarikh peningkatan risiko tersebut.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Takaful.

FC39. FASAL TAKAFUL SENDIRI

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa Peserta Takaful bersetuju untuk melindungi diri sendiri dan Amaun Perlindungan yang dinyatakan di bawah (butiran no.....) Sijil Takaful ini mewakili hanya% daripada Nilai Pasaran sebenar (atau nilai pengembalian semula sekiranya Sijil Takaful ini tertakluk kepada asas nilai pengembalian semula) ke atas harta yang dilindungi.

Akibat daripada kenyataan di atas, Peserta Takaful bersetuju untuk menjadi penanggung Takafulnya sendiri untuk% dan bersetuju untuk menanggung perkadarannya setimpal bagi :-

- (a) setiap kerugian atau kerosakan (termasuk apa-apa jumlah berhubung dengan yuran, caj, kos dan perbelanjaan) yang perlu dibayar di bawah Sijil Takaful ini; dan
- (b) apa-apa perbelanjaan yang perlu dibayar dalam menguatkuasakan Syarat 18 Sijil Takaful ini.

Seterusnya adalah diisyiharkan dan dipersetujui bahawa sekiranya Amaun Perlindungan di bawah (butiran no) Sijil Takaful ini adalah kurang daripada% daripada nilai sebenar harta yang dilindungi pada masa berlaku kerugian, Syarat 20 Sijil Takaful ini (Fasal Purata) akan diguna pakai sewajarnya.

FC40. FASAL MENANGGUNG PERLINDUNGAN AUTOMATIK (HARTA DI LOKASI BARU)

Adalah difahami dan dipersetujui bahawa apa-apa harta tambahan yang terletak di lokasi di Malaysia yang tidak dilindungi di bawah Sijil Takaful ini yang mungkin diperolehi oleh Peserta Takaful semasa berkuat kuasanya Sijil Takaful ini, diberi perlindungan secara automatik sehingga 10% daripada had Sijil Takaful atau RM1 juta atau yang mana lebih rendah dengan syarat Peserta Takaful hendaklah memberitahu pihak Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh perolehan harta tersebut dan hendaklah membayar Sumbangan Takaful tambahan dari tarikh perolehan tersebut.

Selainnya tertakluk kepada terma, pengecualian dan syarat Sijil Takaful ini.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

FC41. FASAL DEDUKTIBEL DAN EKSES

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa deduktibel dan/atau Ekses seperti yang dinyatakan di dalam Jadual dan/atau Endorsmen dan/atau fasal yang dilampirkan pada Sijil Takaful ini, hendaklah diguna pakai seperti berikut dan seperti yang ditentukan selepas penggunaan mana-mana syarat purata.

- a) hanya satu deduktibel dan/atau Ekses, yang mungkin diguna pakai dan boleh diguna pakai bagi setiap satu kerugian yang timbul daripada satu peristiwa tanpa mengambil kira bilangan penanggung Takaful bersama;
- b) deduktibel dan/atau Ekses hendaklah diperuntukkan diantara penanggung Takaful bersama;
- c) deduktibel dan/atau Ekses yang diperuntukkan di atas hendaklah mengikut perkadarannya liabiliti setiap penanggung Takaful bersama;
- d) Peserta Takaful tidak boleh menanggung lebih daripada satu deduktibel Sijil Takaful dan/atau Ekses dalam apa-apa hal jua.

Selainnya tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian Sijil Takaful ini.

FC42B. PENGENALPASTIAN TARikh (Untuk Sijil Takaful Pemilik Rumah/Isl Rumah)

Adalah difahamkan dan dipersetujui bahawa Sijil Takaful ini telah dipinda seperti berikut:-

- A. Pihak Syarikat tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakan termasuk kehilangan keupayaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, kecederaan (termasuk kecederaan anggota), perbelanjaan tertanggung atau apa-apa kerugian turutan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, terdiri daripada, atau timbul daripada, kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana komputer, alat memproses data, media mikrocip, sistem operasi, mikropemproses (cip komputer), sirkit integrasi atau peranti serupa, atau mana-mana perisian komputer, sama ada harta Peserta Takaful akibat daripada kegagalan atau ketidakupayaan peranti dan/atau perisian seperti tersebut di atas untuk:
 - 1. mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh sebagai tarikh kalender sebenar;
 - 2. merakam, menyimpan, mengekalkan dan/atau mengendali dengan betul, menterjemah atau memproses apa-apa data atau maklumat atau perintah atau arahan akibat dari mengambil apa-apa tarikh selain dari tarikh kalender sebenar dan/atau;
 - 3. merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul apa-apa data akibat dari operasi apa-apa arahan yang telah diprogram ke dalam mana-mana perisian komputer, sebagai perintah yang menyebabkan kehilangan data atau ketidakupayaan untuk merakam, menyimpan, mengekalkan atau memproses dengan betul data tersebut pada atau selepas apa-apa tarikh.
- B. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa Syarikat tidak akan membayar untuk memperbaiki atau mengubah suai mana-mana bahagian pada apa-apa sistem memproses data elektronik atau mana-mana bahagian pada apa-apa peranti dan/atau perisian seperti yang telah disenaraikan dalam A di atas.
- C. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa Syarikat tidak akan membayar apa-apa kerugian atau kerosakan termasuk hilang keupayaan dengan atau tanpa kerosakan fizikal, kecederaan (termasuk kecederaan anggota), perbelanjaan tertanggung atau apa-apa kerugian turutan secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada nasihat, perundingan, rekaan, penilaian, pemeriksaan, pemasangan, penyelenggaraan, pembaikan atau penyeliaan yang dibuat oleh Peserta Takaful atau untuk Peserta Takaful atau oleh atau untuk pihak lain untuk menentukan, membentulkan atau menguji, apa-apa kegagalan potensi atau sebenar, pincang tugas atau kekurangan seperti yang telah dinyatakan dalam A di atas.
- D. Adalah selanjutnya difahamkan bahawa Syarikat tidak akan membayar apa-apa kerugian turutan akibat daripada apa-apa ketidakupayaan berterusan komputer tersebut dan alat seperti yang dinyatakan dalam A di atas untuk mengenalpasti dengan betul apa-apa tarikh kalender sebenar selepas kerugian atau kerosakan harta yang telah diganti atau dibaiki.

Kerugian atau kerosakan, kecederaan (termasuk kecederaan anggota), perbelanjaan tertanggung sedemikian atau kerugian turutan yang dirujuk dalam A, B, C atau D di atas, adalah dikecualikan tidak mengambil kira apa-apa sebab lain yang menyumbang serentak atau dalam mana-mana urutan pada masa yang sama.

Fasal Kekecualian	Pengendorsan ini tidak termasuk apa-apa kehilangan atau kerosakan atau kerugian turutan tersendiri adalah akibat daripada Peril yang dilindungi seperti yang didefinisikan di dalam Sijil Takaful ini.
--------------------------	--

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Takaful ini.

FC43. PENGENEPIAN HAK SUBROGASI PENANGGUNG TAKAFUL

Sebagai balasan pembayaran Sumbangan Takaful tambahan, pihak Syarikat bersetuju untuk mengenepikan apa-apa hak dan remedai atau relief atau ganti rugi yang ia mungkin berhak melalui subrogasi terhadap entiti berikut:

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

Walau bagaimanapun, hak Syarikat untuk menguatkuasakan apa-apa hak dan remedai atau untuk mendapatkan relief atau ganti rugi daripada mana-mana pihak melalui subrogasi tidak akan terjejas.

FC44. FASAL PENJELASAN KEROSAKAN HARTA

Kerosakan harta yang dilindungi di bawah Sijil Takaful ini hendaklah bermaksud kerosakan fizikal ke atas jirim harta.

Kerosakan fizikal ke atas jirim harta hendaklah tidak termasuk kerosakan ke atas data atau perisian, terutama sekali apa-apa perubahan merosakkan ke atas data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh pemadaman, kecemasan atau kecacatan bentuk asal.

Oleh kerana itu perkara berikut tidak termasuk di dalam Sijil Takaful ini:-

- a) Kerugian atau kerosakan ke atas data atau perisian, tetapi tidak terhad kepada apa-apa perubahan merosakkan ke atas data, perisian atau program komputer yang disebabkan oleh pemadaman, kecemasan atau kecacatan bentuk asal, dan apa-apa kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kerugian atau kerosakan sedemikian. Walauapun pengecualian ini, kerugian atau kerosakan kepada data atau perisian, yang diabaikan secara langsung oleh kerosakan fizikal yang diinsuranskan ke atas jirim harta, hendaklah dilindungi.
- b) Kerugian atau kerosakan diakibatkan daripada kerosakan fungsi, ketersediaan, kepelbagaian penggunaan atau pencapaian data, perisian atau program komputer, dan apa-apa kerugian gangguan perniagaan akibat daripada kerugian dan kerosakan sedemikian.

WARANTI-WARANTI

Waranti-waranti berikut hanya sah bagi Sijil Takaful ini sekiranya ia dinyatakan secara khusus dalam Jadual dan adalah tertakluk kepada syarat-syarat Sijil Takaful ini.

FW1. WARANTI PEMBATASAN BARANG DAGANGAN

Diwarantikan bahawa semasa berkuat kuasanya Sijil Takaful ini, tiada bahagian Premis yang dinyatakan di sini digunakan untuk membuat atau meletak atau menyimpan barang dagangan.

FW1A. WARANTI PEMBATASAN BARANG DAGANGAN (Kelab/Sekolah/Pejabat)

Diwarantikan bahawa semasa berkuat kuasanya Sijil Takaful ini, tiada bahagian Premis yang dinyatakan di sini digunakan untuk membuat atau meletak atau menyimpan barang dagangan kecuali yang berhubung secara langsung dengan aktiviti kelab, sekolah atau pejabat.

FW1B. WARANTI PEMBATASAN BARANG DAGANGAN (Tidak melebihi 10% daripada jumlah keseluruhan kawasan lantai)

Diwarantikan bahawa semasa berkuat kuasanya Sijil Takaful ini, tidak melebihi 10% daripada jumlah keseluruhan kawasan lantai Premis yang dilindungi di sini digunakan untuk membuat atau meletak atau menyimpan barang dagangan.

FW1C. WARANTI PEMBATASAN BARANG DAGANGAN (Tidak melebihi 20% daripada jumlah keseluruhan kawasan lantai)

Diwarantikan bahawa semasa berkuat kuasanya Sijil Takaful ini, tidak melebihi 20% daripada jumlah keseluruhan kawasan lantai Premis dilindungi di sini digunakan untuk membuat atau meletak atau menyimpan barang dagangan.

FW1D. WARANTI PEMBATASAN BARANG DAGANGAN (Tidak melebihi 50% daripada jumlah keseluruhan kawasan lantai)

Diwarantikan bahawa semasa berkuat kuasanya Sijil Takaful ini, tidak melebihi 50% daripada jumlah keseluruhan kawasan lantai Premis dilindungi di sini digunakan untuk membuat atau meletak atau menyimpan barang dagangan.

FW2. WARANTI BANGUNAN BERASINGAN

Diwarantikan bahawa semasa berkuat kuasanya Sijil Takaful ini, Bangunan (yang mengandungi harta)* dilindungi oleh (No. butiran bagi)* Sijil Takaful ini terasing sekurang-kurangnya# meter/kaki pada semua sudut dari mana-mana Bangunan yang lain (tidak termasuk rumah luar yang kecil).

* Perlu dimasukkan bagi Sijil Takaful Iisi-rumah

Masukkan jarak yang diperlukan mengikut Klasifikasi Tarif yang bersesuaian.

FW12. WARANTI RISIKO KEKOSONGAN

Diwarantikan bahawa pada bila-bila masa semasa berkuat kuasanya Sijil Takaful ini, Premis yang diterangkan di sini tidak boleh digunakan sebagai tempat penyimpanan atau meletak barang walau apapun jenis atau tujuannya.

Di samping itu diwarantikan bahawa semua pintu, tingkap dan/atau bukaan yang lain hendaklah dikunci pada setiap masa untuk menghalang kemasukan orang yang tidak diberi kuasa.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

FW26. WARANTI SUMBANGAN TAKAFUL

Syarat penting dan mutlak khusus bagi Sijil Takaful ini ialah bahawa Sumbangan Takaful kena dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh pengendali Takaful dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Sijil Takaful/ Endorsmen/ Sijil Takaful pembaharuan.

Jika syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini dibatalkan secara automatik dan pengendali Takaful adalah berhak terhadap Sumbangan Takaful prorata dalam tempoh pengendali Takaful menanggung risiko.

Sekiranya Sumbangan Takaful yang perlu dibayar selaras dengan waranti ini diterima oleh ejen sah pengendali Takaful, pembayaran hendaklah dianggap diterima oleh pengendali Takaful untuk tujuan waranti ini dan tanggungjawab bahawa Sumbangan Takaful perlu dibayar diterima oleh seseorang, termasuk ejen Takaful, yang tidak diberi kuasa untuk menerima Sumbangan Takaful tersebut hendaklah dipertanggungjawabkan kepada pengendali Takaful.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Takaful ini.

FW27. WARANTI RISIKO TIDAK BEROPERASI

Diwarantikan bahawa semasa berkuat kuasanya Sijil Takaful ini, risiko industri tersebut tidak beroperasi dan bahawa mesin tidak digunakan (melainkan kadangkala untuk tujuan memastikannya dalam keadaan baik, tiada bahan yang melaluinya) dan bahawa tiada pemberaan terhadap mesin atau kerja tukang mesin dilakukan.

Selanjutnya diwarantikan bahawa Premis dilindungi tidak digunakan untuk menyimpan atau meletak barang.

PERIL-PERIL

Peril-peril berikut hanya sah bagi Sijil Takaful ini sekiranya ia dinyatakan secara khusus dalam Jadual dan adalah tertakluk kepada syarat-syarat Sijil Takaful ini.

HP06 TAMBAHAN PERLINDUNGAN KECURIAN

MEMO:- Walau apapun yang dinyatakan bertentangan, selanjutnya diisyiharkan dan dipersetujui bahawa bagi Sumbangan Takaful tambahan, Peril 6 Sijil Takaful ini dipinda seperti berikut:-

KECURIAN atau apa-apa percubaan TIDAK TERMASUK:

1. (a) kecurian semasa Bangunan atau mana-mana bahagiannya dipinjamkan, disewa atau disewa semula
- (b) kecurian dari mana-mana Bangunan luaran yang bukan secara langsung bersambungan dengan Rumah Kediaman Persendirian atau rumah pangsa persendirian
- (c) kecurian harta orang gaji selain daripada Rumah Kediaman Persendirian atau rumah pangsa persendirian

KECUALI disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar secara kasar dan ganas daripada sesebuah Bangunan

2. Kecurian yang terbuka.
3. 1% yang pertama dari Amaun Perlindungan atau RM250.00 yang mana lebih rendah.

DENGAN SYARAT bahawa sekiranya Rumah Kediaman Persendirian ditinggalkan tanpa penghuni di dalamnya selama lebih daripada sembilan puluh (90) hari sama ada secara terus-menerus atau tidak dalam mana-mana satu Tempoh Takaful, perlindungan terhadap Kecurian ini hendaklah diberhentikan sementara bagi mana-mana tempoh Rumah Kediaman Persendirian tersebut yang mungkin tidak dihuni melebihi sembilan puluh (90) hari yang dinyatakan di atas melainkan jika dipersetujui melalui Endorsmen.

Pengendorsan yang berkaitan dengan harta yang dialihkan sementara, perlindungan Takaful terhadap Kecurian hendaklah digunakan hany

- i) di mana-mana Bank, Peti Simpanan atau Rumah Kediaman Persendirian yang dihuni.
- ii) dalam mana-mana Bangunan di mana Peserta Takaful atau mana-mana ahli keluarga yang mendiami.
- iii) dalam peringkat pengalihan ke atau dari mana-mana Bank atau Peti Simpanan semasa di dalam tanggungan Peserta Takaful, seorang ahli keluarganya atau orang gaji yang dibenarkan.

Dalam semua kes yang lain, Sijil Takaful ini dihadkan kepada Kecurian yang disertai dengan pemecahan masuk ke dalam atau keluar secara kasar dan ganas daripada sesebuah Bangunan.

Selainnya tertakluk kepada Syarat Sijil Takaful ini.

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

HP07 RUSUHAN MOGOK DAN NIAT JAHAT

Sebagai balasan bagi Sumbangan Takaful tambahan oleh Peserta Takaful kepada Syarikat, adalah dipersetujui dan diisyiharkan bahawa walaupapun yang dinyatakan bertentangan dengan mana-mana yang tertulis di bawah* Sijil Takaful ini hendaklah diperluaskan bagi melindungi Kerosakan Rusuhan dan Mogok, yang bagi tujuan Endorsmen ini, hendaklah bermaksud (tertakluk kepada Syarat Khas yang terkandung selepas ini):-

Kerugian atau kerosakan ke atas harta yang dilindungi** yang disebabkan secara langsung oleh:-

1. Perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama-sama yang lain dalam mana-mana kekacauan ketenteraman awam (sama ada berkaitan atau tidak dengan mogok atau sekat-masuk) yang bukan kejadian seperti yang dinyatakan di dalam Syarat 6 di bawah Syarat Khas yang tersebut di sini.
2. Perbuatan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam menghalang atau cuba menghalang mana-mana kekacauan sedemikian atau dalam mengurangkan akibat daripada kekacauan tersebut.
3. Perbuatan sengaja oleh mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat-masuk dalam meneruskan pemogokan atau menentang penyekatan masuk.
4. Perbuatan mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam menghalang atau cuba untuk menghalang apa-apa tindakan sedemikian atau mengurangkan akibat daripada tindakan tersebut.

Selanjutnya diisyiharkan bahawa walaupapun yang dinyatakan bertentangan dengan apa-apa yang terkandung di dalam Sijil Takaful secara bertulis, Sijil Takaful ini hendaklah diperluaskan bagi melindungi Kerosakan Niat Jahat yang bagi tujuan perluasan Takaful ini adalah bermaksud:-

Kerugian atau kerosakan ke atas harta yang dilindungi yang diakibatkan secara langsung oleh perbuatan Niat Jahat mana-mana orang (sama ada perbuatan tersebut dilakukan semasa berlakunya kekacauan terhadap ketenteraman awam ataupun tidak) sama ada perbuatan sedemikian tidak bermaksud atau memiliki kaitan dengan kekacauan yang disebutkan di dalam Pengecualian Am 1 Endorsmen tetapi Syarikat tidak akan bertanggungjawab di bawah perluasan Sijil Takaful ini bagi kerugian atau kerosakan oleh kebakaran atau letupan mahupun kerugian atau kerosakan yang berpunca daripada pecah masuk, pecah rumah, kecurian, larseni atau ancaman daripada mana-mana orang yang mengambil bahagian.

Dengan syarat bahawa semua syarat Sijil Takaful (melainkan setakat mana ianya secara jelas berbeza) hendaklah digunakan seperti ianya terkandung di dalamnya.

Nota:- Sekiranya butiran tertentu sahaja yang dilindungi ke atas Rusuhan dan Mogok, masukkan perkataan "butiran....." dan "butiran yang dirujuk terdahulu daripada ini dan bukannya yang lain" pada dan ** seterusnya.

SYARAT KHAS

Bagi tujuan Endorsmen ini dan bukan sebaliknya, nombor masing-masing bagi Pengecualian Am dan Syarat dalam Sijil Takaful ini hendaklah digantikan seperti berikut:-

PENGECUALIAN AM 1

Sijil Takaful ini tidak melindungi:-

- a) Kerugian pendapatan, kerugian akibat kelewatan, kerugian pasaran atau lain-lain kerugian atau kerosakan secara turut atau dalam apa jua jenis/perihal sekalipun.
- b) Kerugian atau kerosakan berpunca daripada pemberhentian kerja secara keseluruhan atau sebahagian atau memperlambatkan atau gangguan atau pemberhentian mana-mana proses atau operasi.
- c) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kehilangan sementara atau kekal yang berpunca daripada penyitaan, perampasan atau pengambilan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah.
- d) Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kehilangan sementara atau kekal mana-mana Bangunan yang berpunca daripada pendudukan secara tidak sah oleh mana-mana orang ke atas Bangunan tersebut.

DENGAN SYARAT walaubagaimanapun, liabiliti Syarikat terhadap Peserta Takaful tidak dilepaskan di bawah perkara (c) atau (d) di atas terhadap kerosakan fizikal ke atas harta yang dilindungkan yang berlaku sebelum kehilangan atau semasa kehilangan sementara.

PENGECUALIAN AM 2

Sijil Takaful ini tidak melindungi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau menerusi atau yang merupakan akibat, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana satu daripada kejadian yang berikut iaitu:-

- a) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan, atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak) atau perang saudara
- b) Penderhakaan, kekacauan awam yang menghampiri atau mencecah tahap kebangkitan awam, kebangkitan ketenteraan, insureksi, pemberontakan, revolusi atau ketenteraan atau rampasan kuasa

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

- c) Sebarang tindakan keganasan yang dilakukan oleh seseorang atau orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi.

Bagi tujuan Syarat ini, "keganasan" bermaksud penggunaan keganasan untuk tujuan politik dan termasuk penggunaan kekerasan untuk tujuan meletakkan orang awam atau mana-mana bahagian orang awam dalam ketakutan.

Dalam mana-mana tindakan guaman atau prosiding lain, di mana Syarikat mendakwa atas peruntukan Syarat ini, apa-apa kerugian atau kerosakan tidak akan dilindungi oleh Sijil Takaful ini dan beban membuktikan bahawa kerugian atau kerosakan sedemikian dilindungi adalah ke atas Peserta Takaful .

SYARAT 6

Jika harta yang dilindungkan, pada ketika berlakunya kebakaran atau semasa bermulanya apa-apa kemusnahan atau kerosakan ke atas harta tersebut oleh mana-mana Peril lain yang dilindungkan di bawah Endorsmen ini secara kolektifnya memiliki nilai yang lebih besar daripada Amaun Perlindungan ke atasnya, maka Peserta Takaful hendaklah dianggap sebagai pengendali Takafulnya sendiri bagi perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung bahagian setimpal bagi jumlah kerugian yang sewajarnya. Setiap butiran, jika lebih daripada satu, ke atas Sijil Takaful hendaklah tertakluk secara berasingan kepada syarat ini.

SYARAT 12

Sijil Takaful ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa oleh Syarikat dengan menyerahkan notis kepada Peserta Takaful, di mana Syarikat hendaklah bertanggungjawab untuk membayar balik Sumbangan Takaful secara perkadaran setimpal bagi tempoh yang masih belum tamat dari tarikh pembatalan. Sekiranya SWJIL Takaful ditamatkan atas permintaan Peserta Takaful, Syarikat tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar balik Sumbangan Takaful atau mana-mana bahagiannya.

DENGAN SYARAT bahawa ianya dengan jelas dipersetujui dan diisyiharkan bahawa:-

- 1) Kesemua Syarat Sijil Takaful ini hendaklah diguna pakai dari segala segi ke atas perlindungan Takaful yang diberikan di bawah perluasan ini kecuali yang dinyatakan jelas berbeza oleh Syarat Khas yang tersebut di atas dan mana-mana rujukan mengenai kebakaran dalam Syarat Sijil Takaful ini hendaklah di anggap sebagai meliputi Peril yang dilindungkan di sini.
- 2) Syarat Khas di sini diguna pakai hanya kepada perlindungan Takaful yang diberikan di bawah perluasan ini dan Syarat Sijil Takaful hendaklah diguna pakai dari segala segi terhadap perlindungan Takaful yang diberikan oleh Sijil Takaful ini seolah-olah Endorsmen ini tidak dibuat ke atasnya.

HP08 PENENGGELAMAN DAN GELINCIRAN TANAH

I) Perlindungan Standard

Sebagai balasan bagi Sumbangan Takaful tambahan, Syarikat bersetuju dan mengisyiharkan bahawa Sijil Takaful ini hendaklah diperluaskan bagi melindungi kerugian atau kerosakan ke atas harta yang dilindungi disebabkan oleh penenggelaman dan/atau pelonjakan tapak tanah Bangunan didirikan atau tanah kepunyaannya, atau gelinciran tanah tidak termasuk :

- a) kerugian atau kerosakan ke atas kolam renang, teres, patio, laluan kenderaan, laluan pejalan kaki, dinding, pintu pagar atau pagar kecuali Bangunan, bahagian lain yang terpisah daripadanya atau garaj dirosakkan oleh sebab yang sama dalam waktu yang sama.
- b) Kerugian atau kerosakan ke atas atau yang berpunca dari pergerakan bidur lantai yang kukuh kecuali asas binaan di bawah dinding luaran Bangunan dirosakkan oleh sebab yang sama dalam waktu yang sama.
- c) kerugian atau kerosakan yang disebabkan berlakunya atau diakibatkan oleh:
 - hakisan pantai atau sungai
 - perobohan, pengubahsuaian struktur atau pembentukan struktur
 - kecacatan pada reka bentuk atau pembinaan asas yang tidak memadai.
- d) bagi setiap kerugian, 5% daripada Amaun Perlindungan atau RM25,000.00 mengikut mana yang lebih rendah, seperti ditentukan setelah dikenakan mana-mana syarat purata.

Dengan syarat liabiliti keseluruhan Syarikat tidak melebihi Amaun Perlindungan bagi setiap butiran ke atas harta ditolak jumlah yang dikecualikan di bawah (d) di atas.

Dengan syarat bahawa semua syarat Sijil Takaful (melainkan setakat mana ianya secara jelas berbeza) hendaklah digunakan seperti ianya terkandung di dalam ini dan bagi tujuan itu apa-apa kerugian atau kerosakan yang telah dinyatakan hendaklah dianggap kerugian atau kerosakan oleh kebakaran.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Takaful ini.

II) Pengguguran Pengecualian (a) di bawah Perlindungan Standard

Sebagai balasan bagi Sumbangan Takaful tambahan Syarikat bersetuju dan mengisyiharkan bahawa Sijil Takaful ini hendaklah diperluaskan bagi melindungi kerugian atau kerosakan ke atas harta yang dilindungi yang disebabkan oleh penenggelaman dan/atau pelonjakan tapak tanah Bangunan didirikan atau tanah kepunyaannya, atau gelinciran tanah tidak termasuk :-

ATTACHING TO AND FORMING PART OF TAKAFUL CERTIFICATE NO:

- a) kerugian atau kerosakan ke atas atau yang berpunca dari pergerakan bidur lantai yang kukuh kecuali asas binaan di bawah dinding luaran Bangunan di rosakkan oleh sebab yang sama dalam waktu yang sama.
- b) kerugian atau kerosakan yang disebabkan berlakunya atau diakibatkan oleh:
 - hakisan pantai atau sungai
 - perobohan, pengubahsuaian struktur atau pembaikan struktur
 - kecacatan pada reka bentuk atau pembinaan asas yang tidak memadai.
- c) bagi setiap kerugian, 5% daripada keseluruhan Amaun Perlindungan atau RM25,000.00 mengikut mana yang lebih rendah, seperti ditentukan setelah dikenakan mana-mana syarat purata.

Dengan syarat liabiliti keseluruhan Syarikat tidak melebihi Amaun Perlindungan bagi setiap butiran ke atas harta ditolak jumlah yang dikecualikan di bawah (c) di atas.

Dengan syarat bahawa semua syarat Sijil Takaful (melainkan setakat mana ianya secara jelas berbeza) hendaklah diguna pakai seperti ianya terkandung di dalam ini dan bagi tujuan itu apa-apa kerugian atau kerosakan yang telah dinyatakan hendaklah dianggap kerugian atau kerosakan oleh kebakaran.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Takaful ini.

Takaful
IKHLAS[®]